

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
No. 85. Wa  
No Perolehan: T 1000  
Tarikh: 15 MAR 1985

JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPONG (JKKK)  
DAN PEMBANGUNAN PERINGKAT BAWAHAN

oleh:

WAN ZANIYAH WAN OMAR

NO. MATRIK: 044465

LATIHAN ILMIAH  
SEBAGAI MEMENUHI SYARAT-SYARAT IJAZAH SARJANA  
MUDA SASTERA DAN SAINS SOSIAL

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
SESI 1985/86

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyempurnakan latihan ilmiah ini walaupun dengan berbagai kesukaran. Dengan sempurnanya latihan ilmiah ini ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih saya kepada pihak-pihak tertentu yang telah banyak memberikan sumbangan dan kerjasama yang tidak ternilai.

Pertama dan paling teristimewa, saya ingin merakamkan rasa jutaan terima kasih dan terhutang budi saya kepada Prof. Madya Dr. Hussain Mohamed yang telah bertindak sebagai penyelia saya. Juga ucapan terima kasih kepada Dr. Fatimah Daud selaku penyelia kerja lapangan saya semasa di Kedah.

Kedua, kepada keluarga angkat saya, Haji Ranli Haji Kalam serta seluruh anggota keluarganya yang telah sudi dan bermurah hati menumpangkan saya di rumah mereka sepanjang kajian ini dilakukan. Tidak lupa juga kepada Penghulu Mukim Kangkong, Pengerusi JKKK serta seluruh anggota JKKK Kampung Kangkong.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada keluarga dan rakan-rakan saya yang telah banyak memberi dorongan dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama semasa saya menjalankan kajian ini diucapkan ribuan terima kasih atas segala budi baik dan masa yang diluangkan untuk saya.

Akhir sekali kepada Cik Haslina yang telah sudi menaipkan latihan ilmiah saya.

Budi kalian hanya Tuhan sahaja yang dapat membalasnya.

Wassalam.

Wan Zaniyah Wan Omar  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

31 Januari 1986

## SINOPSIS

Kajian ini merupakan satu kajian ke atas organisasi JKKK Kampung Kangkong yang merupakan salah satu agen pembangunan masyarakat. Kerajaan amat menyedari betapa pentingnya usaha membangunkan rakyat agar dapat melahirkan sebuah masyarakat yang progresif dan dinamis. Melalui berbagai agensi seperti di tempat kajian, ternyata kerajaan menyalurkan berbagai bantuan dan subsidi untuk membantu memperbaiki keadaan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar.

Sesungguhnya para pemimpin peringkat bawahan (grass-root level) termasuklah kepimpinan JKKK di kampung ini adalah golongan yang teramat penting dalam pelaksanaan program tersebut (pembangunan). Di samping itu kerjasama dan penglibatan rakyat merupakan faktor penting yang mendorong ke arah kejayaan projek pembangunan. Tetapi memang tidak dinafikan bahawa adalah sukar untuk mendapat kerjasama di antara pihak pemimpin dan rakyat kerana selalunya wujud pertentangan politik seperti di kampung tersebut. Walau bagaimanapun hanya melalui kerjasama dan penglibatan yang aktif sahajalah, segala rancangan pembangunan akan dapat menelurkan hasil yang memuaskan.

## KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL, RAJAH DAN LAMPIRAN	vii
PETA	
BAB I      PENDAHULUAN	1
1.1      Tujuan Dan Bidang Kajian	1
1.2      Kepentingan Kajian	6
1.3      Latarbelakang Kawasan Kajian	8
1.4      Methodologi (Kaedah Kajian)	12
(a)      Soal-selidik	12
(b)      Temubual (interview)	13
(c)      Pemerhatian (overvation)	14
(d)      Kajian Perpustakaan	14
1.5      Masalah-masalah Dalam Menjalankan Kajian	14

BAB II	KONSEP PEMBANGUNAN	17
2.1	Pengertian Dan Konsep Pembangunan	17
2.2	Perancangan Dan Strategi Pembangunan Di Malaysia	22
2.3	Pembangunan Komuniti	32
BAB III	ORGANIGASI JKKK	38
3.1	JKKK Sebagai Agen Pembangunan Komuniti	38
3.2	Sejarah Penubuhan JKKK	39
3.2.1	Keahlian JKKK	42
3.2.2	Bidang Kuasa JKKK	43
3.2.3	Pemilihan Pengerusi JKKK Serta Ahli-Ahli JKKK	47
	A - Pengerusi JKKK	47
	B - Ahli-Ahli JKKK	49
	C - Setiausaha JKKK	50
3.3	Mesyuarat	51
3.4	JKKK Di Peringkat Negeri Kedah	52
3.5	Taraf Pendidikan JKKK	54
3.6	Pekerjaan JKKK	56
3.7	Umur JKKK	57
3.8	Projek-Projek Pembangunan Di Kampung Kangkong	58


BAB IV	KEPIMPINAN JKJK DAN MASYARAKAT KAMPUNG	61
4.1	Latarbelakang Responden	61
4.1 (a)	Umur Responden	61
4.1 (b)	Taraf Pendidikan Responden	62
4.1 (c)	Pekerjaan Responden	64
4.1 (d)	Pendapatan Bulanan Responden	65
4.2	Politik Masyarakat Kampung Kangkong	66
4.3	Penduduk Kampung Dan Interaksi Sosial	70
4.4	Interaksi Masyarakat Kampung Dengan JKJK	72
4.5	Pandangan Masyarakat (Responden) Terhadap Kepimpinan JKJK	76
BAB V	MASALAH DAN KEBERKESANAN JKJK	81
5.1	Hubungan JKJK Dengan Pihak Atasan	81
5.2	Masalah-masalah Yang Dihadapi oleh JKJK	85
5.3	Kebekesanan Kepimpinan JKJK	89
BAB VI	KESIMPULAN	95
BIBLIOGRAFI		106
LAMPIRAN		


## Senarai Jadual, Rajah dan Lampiran

		Muka Surat
Jadual 1	Kedudukan Bilangan JKKK Mengikut Daerah	53
Jadual 2	Taraf Pendidikan JKKK	55
Jadual 3	Pekerjaan JKKK	57
Jadual 4	Umur JKKK	58
Jadual 5	Umur Responden	62
Jadual 6	Taraf Pendidikan Responden	63
Jadual 7	Pekerjaan Responden	65
Jadual 8	Pendapatan Bulanan Responden	66
Jadual 9	Parti Politik Yang Dipilih oleh Responden	68
Jadual 10	Alasan Responden Memilih Parti Politik	69
Rajah 1	Penyelarasan Pentadbiran	46
Lampiran A	Senarai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung: Kampung Alor Pulai/Kuala Kangkong/ Permatang Kangkong/Sala Kechil, Mukim Kangkong, Kota Setar, Kedah.	




PETA MALAYSIA : KEDUDUKAN NEGERI KEDAH





PETA LAKAR : KAWASAN KAJIAN.



PETUNJUK :

■ ■ ■ ■ PETEMPATAN

▬▬▬▬▬▬ JALAN BERTURAP

■ SEKOLAH

----- JALAN TANAH MERAH

⤴ MASJID

▬▬▬▬▬▬ SAWAH PADU

⌋ JAMBATAN

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 TUJUAN DAN BIDANG KAJIAN

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, negara kita tidak terkecuali dari menghadapi masalah-masalah pembangunan. Masalah pembangunan yang wujud ini adalah hasil tinggalan pihak penjajah di mana kesannya dapat dirasakan hingga sekarang. Akibat daripada dasar pecah dan perintah pihak Inggeris, didapati bahawa corak pembangunan di negara ini berlaku secara tidak seimbang. Di bandar-bandar jelas terlihat akan kemajuannya, manakala di luar bandar pula keadaan sebaliknya berlaku. Keadaan ekonomi dan perkhidmatan serta kemudahan asas bagi rakyat jelata masih lagi kurang memuaskan. Ini amat disedari oleh pihak kerajaan sendiri di mana berbagai usaha telah dijalankan untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Berbagai rancangan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bertujuan untuk mencapai pembangunan sosio-ekonomi bagi seluruh negara terutamanya masyarakat luar bandar. Rancangan-rancangan ini kebanyakannya berupa rancangan ekonomi lima (5) tahun yang dilaksanakan tahun demi tahun oleh Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensinya kerajaan. Rancangan sosio-ekonomi lima tahun ini biasanya dibahagikan kepada beberapa sektor seperti sektor Perkhidmatan Awam, Sektor Pertanian, Sektor Perusahaan dan sebagainya untuk memudahkan kerajaan memberikan tanggungjawab kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan kerajaan yang tertentu untuk melaksanakannya.

Memang menjadi tanggungjawab agensi-agensi tersebut (kerajaan) membuat kajian secara terperinci di peringkat mikro untuk menentukan matlamat rancangan-rancangan tersebut dapat dilaksanakan dan memberi kesan seperti dalam tujuan asalnya, guna membawa kemewahan dan kesenangan kepada rakyat jelata.

Dalam usaha merancang dan menyalurkan projek-projek pembangunan yang bertujuan untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar itu memanglah memerlukan penglibatan satu organisasi rakyat yang dapat berhubung secara langsung dengan tempat dan masyarakat yang akan dimajukan itu. Selaras dengan ini, penubuhan dan penglibatan organisasi rakyat seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (akan disebut sebagai JKKK) adalah salah satu cara dan organisasi yang dianggap penting untuk menjadi penghubung di antara pihak kerajaan dan rakyat. Pada dasarnya tujuan utama penubuhan JKKK adalah sebagai badan yang berfungsi untuk menyatu padukan rakyat dalam merancang, melaksanakan ~~dalam merancang, melaksana~~ dan menikmati segala projek pembangunan untuk kemajuan bersama. Di samping itu penubuhan JKKK juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk membawa perubahan dalam segala aspek kehidupan rakyat. Hakikat ini penting kerana tanpa JKKK adalah mustahil bagi kerajaan untuk memastikan segala usaha-usaha pembangunan ini berjalan lancar.

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan sesuatu projek pembangunan itu memerlukan satu kerjasama yang erat

di antara pihak kerajaan dan rakyat. Sesuatu projek itu tidak akan berjaya mencapai matlamat sepenuhnya andaikata ia semata-mata bergantung kepada pihak pemimpin sahaja. Dengan demikian penglibatan dan kerjasama sepenuhnya dari rakyat adalah perlu di mana segala hasil pembangunan dapat dinikmati secara bersama.

Kajian ini; Organisasi JKKK Dan Peranannya Dalam Pembangunan Peringkat Bawahan, memberi tumpuan terhadap peranan dan sumbangan JKKK dalam berbagai aspek kehidupan. Penekanan juga akan diberikan kepada bidang-bidang tugas dan organisasi kepimpinan JKKK serta masalah-masalah yang dihadapinya. Juga akan dilihat sejauh mana penglibatan JKKK dan masyarakat kampung di dalam usaha-usaha pembangunan. Seterusnya akan dilihat kekesan kepimpinan JKKK yang wujud sekarang ini.

Tujuan utama kajian ini dibuat ialah untuk melihat secara lebih terperinci organisasi JKKK sebagai pemimpin peringkat bawahan. Sebagai organisasi yang terlibat secara langsung dengan rakyat JKKK mempunyai peranan tertentu dalam usaha untuk memajukan masyarakat kampung. Di sini pengkaji ingin melihat apakah organisasi JKKK ini dapat memainkan peranannya yang sebenar untuk mencapai tujuan-tujuan asas penubuhannya mengikut Arahan No. 3, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 1972. Mengikut tujuan asasnya, organisasi ini di tubuhkan sebagai satu badan yang dapat menyatupadukan seluruh jiwa dan tenaga rakyat di kampung-kampung bagi kemajuan dan faedah mereka sendiri

(Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 1962, hlm. 2).

Di samping itu kajian ini dilakukan adalah untuk melihat sejauh manakah penglibatan anggota-anggota JKKK dengan masyarakat kampung. Sebagaimana yang disebut di atas JKKK merupakan sebuah badan yang menjadi penghubung di antara dua (2) pihak iaitu, kerajaan dan rakyat. Sebagai satu saluran yang penting, pihak JKKK seharusnya menjalinkan perhubungan 2 hala yang sebaik mungkin agar segala masalah yang timbul berkenaan pembangunan dapat di atasi. Sebagai organisasi penghubung, JKKK seharusnya bertindak menjadi agen penyampai segala masalah, hasrat serta kehendak rakyat kepada pihak kerajaan agar segala kesulitan ini dapat di atasi.

Kesulitan-kesulitan dan masalah ini akan cuba diselesaikan pula oleh kerajaan dengan cara memberi bantuan atau subsidi kepada masyarakat luar bandar. Segala bantuan-bantuan yang diberikan ini adalah disalurkan melalui organisasi JKKK. Di sini jelas bahawa di samping peranannya menyampaikan segala masalah, hasrat dan kehendak rakyat, JKKK juga terpaksa bertindak sebagai agen penyalur segala bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat. Oleh yang demikian organisasi ini adalah penting untuk menentukan bahawa segala program pembangunan yang bertujuan untuk membantu memajukan rakyat dapat sampai kepada mereka sepenuhnya. Dengan demikian penglibatan kepimpinan JKKK adalah teramat penting untuk memastikan segala usaha tersebut berjalan lancar.

Selain daripada penglibatan organisasi tersebut secara total, penglibatan rakyat dalam menyahut seruan kerajaan untuk memajukan diri mereka sendiri juga adalah penting. Sekiranya tiada penglibatan golongan ini, maka segala program pembangunan juga akan turut terbantut. Sebagai masyarakat yang hendak dimajukan, mereka seharusnya memberi kerjasama sepenuhnya dalam usaha-usaha tersebut. Dengan demikian barulah segala usaha dan bantuan yang disediakan dapat dinikmati dan digunakan secara optimum oleh mereka.

Seterusnya kajian ini juga meninjau sejauh mana keberkesanan kepimpinan JKKK di kalangan masyarakat kampung. Sebagai pemimpin peringkat bawahan, golongan ini paling rapat berdamping dengan masyarakat. Mereka lebih mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh orang kampung kerana anggota-anggota JKKK juga adalah sebahagian daripada masyarakat. Sebaliknya melalui masyarakat juga dapat diketahui sejauh mana organisasi ini dapat berfungsi dan memberi sumbangan dalam usaha pembangunan negara. Di samping itu akan ditelitikan juga apakah sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh JKKK selama ini benar-benar dapat memuaskan hati masyarakat kampung tersebut.



## 1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Untuk penelitian yang lebih mendalam tentang peranan, penglibatan dan sumbangan JKKK dalam konteks pembangunan peringkat bawah (grass-root level), pengkaji telah memberi penumpuan pada kepimpinan serta organisasi JKKK yang terdapat di kampung Kangkong, Alor Star sebagai satu kes kajian. Kajian ini difikirkan penting untuk membuktikan sejauh manakah tuduhan dan sungutan yang mengatakan bahawa terdapat JKKK yang tidak menjalankan fungsi-fungsi seperti yang diamanahkan oleh pihak kerajaan. Mereka dikatakan telah menyalahgunakan kuasa yang telah diberikan untuk kepentingan dan kesenangan sendiri. Walau bagaimanapun untuk melemparkan tuduhan yang melulu tanpa kajian yang terperinci adalah suatu yang tidak adil dan kurang tepat.

Hakikat ini adalah kerana tidak semua pemimpin yang bersikap demikian. JKKK merupakan satu golongan yang menduduki strata paling atas di dalam organisasi kepimpinan di peringkat kampung selain daripada penghulu atau ketua kampung. Secara keseluruhannya mereka terdiri dari golongan yang mendapat pendidikan yang minima seperti juga anggota masyarakat yang lain. Perlantikan mereka untuk menduduki pucuk pimpinan di kampung-kampung mungkin berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti kebolehan memimpin, kepercayaan masyarakat terhadap diri mereka dan mungkin juga berasaskan sifat 'charismatic' yang wujud dalam diri mereka.

Kajian ini juga difikirkan penting kerana sebelum ini belum terdapat kajian-kajian yang lebih teliti tentang organisasi JKJK. Walaupun terdapat beberapa kajian sama ada di peringkat Ijazah Kedoktoran, Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda mengenai aspek kepimpinan, tetapi belum ada lagi pengkajian yang memberi tumpuan khas kepada organisasi tersebut. Di antara kajian-kajian tersebut ialah kajian yang dijalankan oleh Burr ridge (1957), Downs (1967), Firth (1966) dan Swift (1965). Burr ridge telah tinggal beberapa lama di sebuah kampung di pantai barat Johor. Downs melakukan penyelidikan mengenai peranan ketua kampung di Kelantan, sementara Firth pula mengkaji tentang ekonomi masyarakat Melayu di Kelantan. Bagaimanapun dalam bab-bab permulaan bukunya, beliau telah membuat beberapa kenyataan yang berkaitan dengan susunan kepimpinan dalam masyarakat yang dikaji. Seorang lagi pengkaji luar yang membuat kajian mengenai masyarakat Melayu ialah Swift di mana beliau telah membuat kajian di sebuah kampung di Negeri Sembilan yang mengamalkan adat perpatih. Beliau juga telah memberi gambaran mengenai soal kepimpinan dalam kampung tersebut.

Kajian-kajian lalu yang setaraf kebanyakan lebih cenderung untuk membuat kajian berkenaan corak kepimpinan secara keseluruhan yang terdapat dalam sesebuah kampung misalnya kajian Hashim Suboh (1982), Jamil Salleh (1982) dan Asnarullahadi (1984). Sementara Syed Husin Ali (1977) pula pernah membuat pengkajian tentang kepimpinan masyarakat di Malaysia di mana salah sebuah <sup>kampung</sup> yang dipilihnya adalah Kampung Kangkong.

Walau bagaimanapun semasa beliau membuat kajian di situ, belum wujud lagi organisasi JKKK. Beliau memberi tumpuan kepada kepimpinan tradisional (orang tua, agama dan sebagainya) dan kepimpinan moden (penghulu, sidang, wakil rakyat). Jadi di sini pengkaji fikirkan adalah amat perlu untuk membuat pengkajian tentang organisasi tersebut secara lebih khusus untuk mengetahui keadaan sebenarnya. Selain daripada itu, kajian ini juga difikirkan perlu untuk kegunaan pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang yang ingin membuat kajian yang lebih teliti mengenai organisasi tersebut.

### 1.3 LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kampung Kangkong terletak berhampiran pantai dengan keluasan 1,080 ekar. Jauhnya dari bandar Alor Setar ialah kira-kira 16 kilometer dan mudah dihubungi kerana mempunyai jalanraya yang baik dan bertar. Jalan yang menghubungkan Kampung Kangkong dengan jalanraya (main road) telah dibina dalam tahun 1958, Suatu ketika dulu terdapat perkhidmatan bas dan teksi yang masuk hingga ke kuala kampung tersebut. Walau bagaimanapun sekarang sudah tiada lagi kemudahan perkhidmatan bas yang masuk hingga ke dalam kampung tersebut. Perkhidmatan bas hanya setakat luar jalan kampung tersebut. Ini bermakna penduduk kampung ini yang menggunakan perkhidmatan bas dari kawasan luar terpaksa berjalan kaki sejauh 0.75 kilometer untuk sampai ke kampung tersebut. Tetapi bagi penduduk yang mempunyai kenderaan sendiri, seperti motosikal, mereka tidak menghadapi sebarang masalah.

Pekan kecil yang terdekat sekali dengan kampung ini ialah Pekan Simpang Empat kira-kira 5 kilometer jauhnya. Pekan kecil ini merupakan pusat perniagaan dan perhubungan. Di sini terdapat kedai-kedai bagi kemudahan orang kampung membeli barang-barang keperluan seharian mereka. Namun begitu di Kampung Kangkong sendiri terdapat juga beberapa buah kedai kepunyaan orang Melayu dan Cina bagi kemudahan penduduk kampung. Jadi mereka tidak perlu bersusah payah lagi pergi ke pekan Simpang Empat kerana mendapatkan barang-barang runcit sahaja.

Jumlah penduduk Kampung Kangkong mengikut laporan tahun 1978 yang didapati daripada penghulu Mukim Kangkong ialah seramai 1,485 orang. Dari jumlah ini sebahagian besarnya kira-kira 1,430 orang adalah terdiri dari bangsa Melayu. Yang selebihnya seramai 55 orang adalah terdiri dari kaum Cina. Jumlah keluarga yang terdapat di kampung ini ialah sebanyak 297 buah keluarga di mana 286 adalah terdiri dari keluarga Melayu dan 11 keluarga Cina. Tidak terdapat bangsa India atau lain-lain bangsa yang mendiami kampung ini. Walau bagaimanapun jumlah keluarga Cina kini telah berkurangan menjadi 5 buah sahaja. Kebanyakan mereka telah berpindah ke bandar-bandar untuk menjalankan perniagaan.

Kampung yang dikaji ini dikategorikan sebagai kampung campuran tradisional di mana kegiatan ekonominya yang utama ialah bertani dan menangkap ikan (nelayan). Boleh dikatakan 90% daripada penduduk di kampung ini menjadi petani. Mereka ini dapat dikategorikan kepada dua iaitu pertama, golongan yang mengerjakan tanah mereka sendiri sementara kategori kedua pula menjadi buruh upahan yang mengambil upah bekerja di tanah-tanah orang. Di samping itu terdapat juga petani-petani di sini yang menjadikan pekerjaan nelayan sebagai kerja sampingan. Kerja ini dilakukan semasa menunggu padi masak. Ketika ini kebanyakan mereka tidak membuat apa-apa pekerjaan di sawah, cuma kadang-kadang pergi membubuh baja atau merumput sahaja. Jadi untuk mendapat pendapatan yang lebih, mereka terpaksa pergi ke laut menangkap ikan. Di kampung ini pekerjaan nelayan adalah dijalankan secara kecil-kecilan sahaja di mana mereka menggunakan jenis perahu yang kecil sahaja. Perahu-perahu jenis ini tidak dapat pergi jauh ke tengah laut. Hasil tangkapan ikan ini kebanyakannya dimonopoli oleh seorang sahaja peraih ikan yang dapat dianggap sebagai orang tengah. Semua hasil dijual kepada beliau, yang kemudiannya membawa hasil itu ke pekan atau bandar yang berdekatan.

Dari segi taraf kemajuan fizikal di kampung ini, boleh dikatakan agak memuaskan. Di samping jalan berturap yang menghubungkan kampung ini dengan jalanraya terdapat juga jalan tanah merah sejauh 5

kilometer. Jalan tanah merah ini dapat menghubungkan kampung ini dengan Mukim Sala Kecil. Kemudahan asas yang lain yang terdapat di kampung ini antara lain ialah sebuah masjid, bagi penduduk kampung ini mengerjakan sembahyang dan lain-lain kegiatan agama. Selain daripada itu untuk kemudahan kesihatan telah disediakan sebuah klinik kerajaan. Sebuah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Kangkong terletak di tengah kampung ini dapat memberikan kemudahan pelajaran kepada anak-anak kampung tersebut.

Penempatan di kampung ini boleh dikatakan agak teratur. Rumah-rumah mereka adalah terletak di sepanjang jalan di kampung tersebut kecuali di Kampung Kangkong Kanan, keadaan rumah agak berselerak dan rapat. Di kampung ini juga sudah lama terdapat kemudahan bekalan elektrik dan air. Tetapi bekalan air di kampung ini masih belum lagi memuaskan kerana airnya adalah perlahan dan kadangkala bekalannya terputus.

Ditinjau dari segi politik, terdapat dua buah parti yang paling berpengaruh di kampung ini. Parti-parti tersebut sudah pastilah parti UMNO dan PAS. Disebabkan kajian ini mengenai JKKK, di mana kepimpinan organisasi ini meliputi 4 buah kampung iaitu Kampung Kangkong (Kampung Kangkong Kanan dan Kampung Kangkong Kiri), Kampung Permatang Kangkong, Kampung Sala Kecil dan Kampung Alor Pulau, maka jelas kelihatan pembahagian pengaruh kedua-dua parti tersebut di keempat-empat buah kampung itu. Kampung Kangkong dan Kampung Alor Pulau di pengaruhi oleh

parti PAS sementara Kampung Permatang Kangkong dan Kampung Sala Kecil lebih dipengaruhi oleh parti UMNO.

#### 1.4 METHODOLOGI (KAEDAH KAJIAN)

Sebagai satu kajian yang berbentuk saintifik di mana memerlukan data-data yang tepat, beberapa kaedah kajian telah digunakan untuk mendapatkan data-data. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah metode soal-selidik (questionnaires), temubual secara informal, pemerhatian dan penyelidikan perpustakaan.

##### (a) Soal-Selidik

Untuk mendapatkan data-data mengenai latarbelakang dan kedudukan sosio-ekonomi penduduk kampung tersebut, pengkaji telah menggunakan borang soal-selidik yang telah disediakan oleh pihak Instituti Pengajian Tinggi (IPT), Universiti Malaya. Pengkaji telah memilih seramai 50 responden dan pemilihan adalah dilakukan secara persampelan sistematik.

Soal-selidik yang disediakan oleh pihak IPT ini mengandungi beberapa bahagian termasuk pandangan dan persepsi terhadap sesuatu perkara, peranan responden dalam masyarakat, pemilikan harta dan sebagainya.

Cara soalan dikemukakan adalah dalam dua bentuk:-

- i. Secara terbuka (open-ended) di mana soalan-soalan yang dikemukakan tidak mempunyai jawapan yang khusus sebagai contoh soalan yang berkisar tentang pandangan dan persepsi responden.
- ii. Secara tertutup (close-ended) di mana jawapan telah disediakan untuk tiap-tiap soalan. Jawapan responden mestilah berdasarkan jawapan yang telah disediakan misalnya dalam bahagian politik. (Soalan: Ketika mengundi apakah yang saudara utamakan, orang yang menjadi calon atau parti yang dianggotainya?)

(b) Temubual (interview)

Melalui teknik ini, pengkaji menemubual 50 responden termasuk juga ahli JKKK. Tujuannya adalah untuk mendapatkan matlamat-matlamat berkenaan beberapa aspek kepimpinan. Tinjauan juga dilakukan untuk melihat sejauh mana pandangan masyarakat terhadap kemajuan-kemajuan yang telah dicapai.

(c) Pemerhatian (observation)

Pengkaji telah tinggal di kampung tersebut semasa menjalankan kajian iaitu dalam tempoh lebih kurang 1½ bulan. Dengan demikian



pengkaji dapat membuat pemerhatian secara langsung (direct) dan juga dapat membuat cross-checking terhadap segala maklumat yang telah diberikan. Dengan demikian ia sekurang-kurang dapat mengurangkan maklumat-maklumat yang kurang tepat.

(d) Kajian Perpustakaan

Berbagai risalah, buku, journal dan makalah telah digunakan untuk tujuan ini. Bahan-bahan rujukan perpustakaan inidigunakan untuk mendapatkan gambaran tentang beberapa konsep dan teori di samping untuk mendapatkan latarbelakang kawasan kajian dengan lebih terperinci.

1.5 MASALAH-MASALAH DALAM MENJALANKAN KAJIAN

Masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat dan bersesuaian dengan bidang kajian. Di samping itu penggunaan borang-borang soal-selidik yang telah disediakan oleh pihak IPT juga menimbulkan beberapa kesulitan yang tidak dapat dielakkan. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal-selidik adalah lebih bertumpu kepada persoalan-persoalan lain terutamanya pemilihan harta. Hal ini mungkin terjadi kerana tujuan IPT adalah untuk menjalankan kajian mengenai kemiskinan di Malaysia. Dengan demikian soalan-soalan mengenai politik adalah terlalu sedikit dan tidak dapat memberi maklumat yang dikehendaki.

Soalan-soalan yang dikemukakan juga agak sukar dijawab oleh responden. Mereka kurang memahami soalan-soalan sehingga menyebabkan pengkaji terpaksa menerangkan dan meringkaskan soalan-soalan agar dapat difahami oleh mereka.

Masalah seterusnya adalah dari segi penerimaan masyarakat kampung tersebut. Sebagai orang asing yang baru pertama kali menjejakkan kaki ke kampung tersebut, maka perasaan kurang senang dan timbulnya salah anggapan terhadap pengkaji memang tidak dapat dielakkan. Ini diperkuatkan lagi dengan beberapa persoalan berkaitan dengan politik yang telah disentuh, menguatkan anggapan bahawa pengkaji sedang menjalankan kajian untuk satu-satu pihak tertentu terutamanya pihak kerajaan.

Untuk mendapatkan kerjasama dari responden juga merupakan satu kesulitan. Mereka kurang memberi kerjasama apabila soalan-soalan yang dianggap peribadi disoal. Begitu juga soalan-soalan yang berkaitan dengan politik. Mereka juga keberatan untuk memberi kerjasama apabila ditanya mengenai pandangan mereka terhadap JKKK.

Faktor masa juga telah menghalang pengkajian yang lebih teliti. Kajian ini dilakukan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu 1hb. April hingga 14hb. Mei. Dalam tempoh ini pengkaji terpaksa menemuduga seramai 50 responden dengan menggunakan soal-selidik setebal 21 muka surat. Begitu juga sebelum mengadakan temuduga, pengkaji terpaksa membuat listing sebanyak 200 buah isirumah untuk membuat persampelan sistematik dalam memilih responden seperti yang telah ditetapkan.

kan oleh pihak IPT.

Kesulitan juga timbul ketika hendak menemuduga responden dan beberapa orang ahli JKKK. Ini kerana kebanyakan mereka adalah terdiri dari petani yang memulakan kerja di waktu pagi dan pulang lewat petang. Terdapat juga responden yang bekerja di kampung lain sebagai buruh upahan. Dengan demikian pengkaji terpaksa berulang-alik ke rumah mereka. Begitu juga maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pengkaji mengenai kampung tersebut tidak ada dalam simpanan.

Berdasarkan masalah-masalah yang telah dihuraikan di atas, maka tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa kekurangan mengenai kajian ini yang mungkin dapat diperbaiki lagi dalam kajian akan datang.

## BAB II

### KONSEP PEMBANGUNAN

#### 2.1 PENGERTIAN DAN KONSEP PEMBANGUNAN

Secara umumnya pembangunan dapatlah diertikan sebagai satu pembaharuan untuk mengatasi dan memperbaharui segala aspek kehidupan yang merangkumi bidang ekonomi, sosial dan politik. Oleh yang demikian R.K. Merton (1966:7) telah merumuskan bahawa tujuan utama pembangunan adalah untuk mencapai satu status yang tinggi dalam kehidupan sebagai sebuah negara moden.

Menurut pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu garis panduan pembangunan bukanlah bererti memenuhi kehendak-kehendak material (kebendaan) manusia semata-mata, tetapi apa yang lebih penting ialah memperbaiki keadaan hidup sosial manusia seluruhnya; bukan hanya melihat pertumbuhan ekonomi sahaja tetapi jugapertumbuhan sosial dan kebudayaan.

Sementara itu Gunnar Myrdal (1968:1868) mentakrifkan pembangunan sebagai;

'The movement of the whole social system upwards is what all of us in fact mean by development'.

Syed Husin Ali, (1979:16) pula memberi pengertian pembangunan sebagai segala pembangunan dalam semua lapangan dengan sepenuhnya tumpuan dan mementingkan soal-soal yang asas dan tidak soal-soal lambang sahaja.

Paul Alpert (1963:1) mengatakan pembangunan itu bukan hanya pembangunan ekonomi tetapi juga pembangunan sosial, institusi, ekonomi dan perubahan budaya. Dalam hal ini kita tidak dapat nafikan kepentingan ekonomi itu dalam pembangunan, tetapi aspek ekonomi sahaja tidak memadai untuk melihat pembangunan sesebuah negara. Dalam kebanyakan negara-negara sedang membangun aspek lain juga dititik beratkan dalam usaha membangunkan sesuatu masyarakat itu. Aspek-aspek seperti nasionalisme, politik, keadilan sosial (social justice) dan perubahan dalam jangka masa panjang juga diambil kira.

Menurut Khor Kok Peng (1985:1) teori pembangunan yang kita (Malaysia) gunakan adalah berasal dari negara Barat. Secara paling ringkas, ia menyatakan bahawa negara-negara Dunia Ketiga miskin kerana ketiadaan teknologi moden. Jika mereka melabur secukupnya untuk pertumbuhan teknologi; ekonomi akan berkembang cepat. Semakin pesat pembangunan ekonomi, semakin banyak pembangunan, lalu rakyat tidak akan miskin lagi.

Kerana penerimaan teori ini, didapati bahawa negara-negara membangun termasuk Malaysia mengukur kemajuan pembangunan dan bangsa mereka mengikut tingginya kadar pertumbuhan. Syed Husin Ali (1981: 300) menegaskan;

'Most economist see development primarily as a question of promoting economic growth. A country is considered to be developing if it shows a reasonably high rate of economic growth which is measured in terms of annual increases in the per capita national product'.

Namun demikian, walaupun terdapat beberapa buah negara sedang membangun telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat, tetapi mereka masih lagi gagal menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan, pengangguran dan ketidaksamaan.

Bertentangan dengan teori pembangunan yang ortodoks ini, faedah ekonomi dan pembangunan tidak selalunya 'menitik ke bawah' kepada rakyat. Akibatnya timbul satu persoalan iaitu apakah usaha-usaha pembangunan yang dijalankan itu dapat dirasakan sepenuhnya oleh rakyat. Selalunya tidak semua golongan dapat menikmati pembangunan.

Pembangunan dalam ertikata sebenarnya membayangkan bahawa keperluan rakyat atau orang ramai dalam masyarakat telah berjaya dipenuhi, taraf kebajikan ekonomi telah meningkat dan peluang-peluang untuk mendapatkan pelajaran, perumahan, perkhidmatan kesihatan dan rekreasi terbuka luas. (Utusan Pengguna, April 1984:hlm. 8) Realitinya tidak semua keperluan asas tersebut dapat dipenuhi. Lagi pun pembangunan yang hanya mementingkan kepuasan material tetapi mengabaikan interaksi di antara manusia dengan manusia, tidaklah dapat diertikan sebagai pembangunan tulin.

Dalam menganalisa pembangunan dalam sesebuah negara, seharusnya faktor-faktor lain juga perlu diperhitungkan kerana mengikut Syed Husin Ali (1981:298) pembangunan itu melibatkan;

'a structural tranformation of the economy, society, polity and culture'.

Sesebuah negara yang membangun di bidang ekonomi belum tentu lagi dapat menikmati pembangunan dalam ertikata yang sebenar kerana ia mungkin tidak dapat merasai satu suasana politik yang stabil dan keadaan sosial yang benar-benar adil. Kemungkinan besar hanya sebilangan rakyat sahaja yang benar-benar dapat menikmati faedah pembangunan secara maksimum dan dapat memenuhi kehendak mereka.

Sekiranya sesebuah negara itu lebih menekankan konsep pembangunan dengan menilai dari sudut ekonomi, maka ia lebih menitik beratkan kepada soal-soal meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi tahunan dan seterusnya membawa kepada pertambahan dalam pendapatan perkapita. Andaian yang dibuat adalah taraf hidup yang tinggi akan menunjukkan kejayaan pembangunan.

Dari sudut sosio-ekonomi, penekanan terhadap pembangunan lebih dipentingkan kepada sesuatu yang hanya dapat memberikan faedah di mana peningkatan daya pengeluaran adalah menjadi matlamat utama. Segala projek pembangunan yang dirancang untuk tujuan perindustrian adalah dengan tidak mengambil kira kesan jangka panjang yang mungkin

dihadapi pada masa depan kerana semuanya dilakukan semata-mata dengan alasan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

Sementara itu pembangunan dari sudut sosial pula merupakan satu perubahan dalam struktur sosial. Pembangunan ini tertumpu kepada sesuatu yang boleh mendorong kepada perubahan corak hidup misalnya dapat mempereratkan lagi perhubungan antara penduduk dengan penyediaan berbagai kemudahan sosial dan infrastruktur seperti pelajaran, sains dan teknologi kesihatan dan sebagainya. Kesemua ini dilakukan hanya untuk membawa perubahan kepada corak kehidupan masyarakat.

Ini terbukti dalam satu ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad di mana beliau antara lain menegaskan bahawa pembangunan negara adalah satu proses yang rumit. Kita bukan sahaja berhadapan dengan masalah ekonomi, politik dan pentadbiran, tetapi juga dengan masalah sosial dan pemikiran manusia dan masyarakat. Di sinilah silapnya pakar-pakar ekonomi yang melihat pembangunan hanya sebagai satu proses perkembangan dan peningkatan dasar kemajuan ekonomi sahaja. (Dewan Masyarakat, Ogos 1982, hlm. 13)

Dr. Mahathir juga melahirkan rasa bimbang sekiranya fahaman itu diteruskan dalam perancangan pembangunan negara dan penilaian pembangunan itu, maka timbullah nanti keadaan di mana ekonomi negara berkembang dengan pesatnya tetapi masyarakat apa lagi, mereka dari golongan miskin akan terus menderita dengan rasa tidak puas hati kepada



kerajaan. Hanya apabila kemajuan ekonomi berjalan serentak dengan kemajuan sosial dan kerohanian masyarakat barulah pembangunan itu membawa penuh erti dan kestabilan negara. Penilaian pembangunan dari sudut fizikal dan material sahaja tidak cukup lagi, ia harus meliputi aspek sosial secara lebih 'multi-diciplinary' dan cuba menilai kesan pembangunan itu terhadap kualiti hidup rakyat keseluruhannya.

Kita tahu bahawa setiap negara di dunia ini, walau apa pun corak susunan politiknya, menganut suatu fahaman yang TIDAK tepat. Pencapaian pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan perkembangan teknologi moden tidak semestinya mendatangkan pembangunan tulin. Dengan demikian untuk mengarahkan kepada pembangunan dalam ertikata yang hakiki, kita perlu meletakkan tekanan kepada rakyat, bukannya pada material semata-mata. Interaksi di antara anggota masyarakat harus diutamakan. Perancangan yang teliti perlu dibuat supaya segala aspek pembangunan dapat dinikmati sepenuhnya tanpa menghadapi krisis sosio-ekonomi yang boleh melibatkan ketegangan dalam masyarakat.

## 2.2 PERANCANGAN DAN STRATEGI PEMBANGUNAN DI MALAYSIA

Tiap-tiap negara di dunia mempunyai matlamat pembangunannya sendiri. Untuk mencapai matlamat tersebut, mestilah diadakan perancangan agar segala bentuk kemajuan dapat disalurkan sepenuhnya kepada rakyat. Dalam mencapai matlamat-matlamat ini berbagai pendekatan telah

digunakan. Terdapat negara yang memberi tumpuan terhadap sektor ekonomi dengan menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu, menambahkan peluang-peluang pelajaran atau pekerjaan dan sebagainya.

Oleh kerana pembangunan merangkumi segala aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi dan politik, maka ia mestilah dihubungkan dengan perancangan yang teliti serta melibatkan ahli-ahli dalam tiap-tiap bidang tersebut. Dengan lain perkataan pembangunan yang hendak dijalankan itu memerlukan satu perancangan yang menyeluruh dalam semua bidang. Ianya berhubung rapat dengan perancangan ekonomi, politik dan sosial di mana ianya tidak dapat dipisahkan. Ini jelas seperti yang ditegaskan oleh Griffin dan Enos (1970:6);

'Each economic decision is also a political and social decision for one cannot change the structure of the economy without changing the distribution of power or the relation between its citizens because economic decision have political and social consequence'.

Dengan adanya perancangan dan strategi yang menyeluruh, diharapkan pembangunan dalam ertikata sebenar dapat dicapai, di mana ia boleh memenuhi segala kehendak manusia di samping dapat memberi kepuasan dan memperbaiki taraf kehidupan sosial manusia.

Dalam konteks negara Malaysia, sejarah pembangunan yang menggunakan perancangan telah bermula sejak tahun 1956 lagi iaitu dengan adanya Rancangan Malaya Pertama (1956-1960). Kemudian diadakan pula Rancangan Malaya Kedua (1961-1965) sebagai meneruskan program-program yang telah dirancang dalam Rancangan Malaya Pertama. Sehingga kini telah dilaksanakan 6 rancangan pembangunan iaitu:-

- a. Rancangan Malaya I (1956-1960)
- b. Rancangan Malaya II (1961-1965)
- c. Rancangan Malaysia I - (RMP), (1966-1970)
- d. Rancangan Malaysia II - (RMK), (1971-1975)
- e. Rancangan Malaysia III - (RMT), (1976-1980)
- f. Rancangan Malaysia IV - (RME), (1981-1985)

Strategi-strategi ini kebanyakannya berbentuk sosio-ekonomi di mana tumpuan utama diberikan terhadap usaha-usaha memperbaiki serta mempertingkatkan sektor ekonomi di samping memberi keselesaan kepada masyarakat dengan cara memenuhi segala keperluan asas manusia. Di bawah strategi ini beberapa kementerian dan agensi ditubuhkan misalnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Penubuhan Kementerian ini sejak tahun 1959 memperlihatkan bagaimana usaha-usaha dan strategi kerajaan untuk memajukan masyarakat di negara ini khususnya yang tinggal di luar bandar. (G.D. Ness, 1967, hlm. 142.)

Kementerian ini merupakan tenaga penggerak atau tulang belakang bagi segala rancangan pembangunan yang akan dijalankan di kawasan-kawasan luar bandar. Pembentukan Kementerian ini juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin membantu kaum Melayu yang majoritinya terdiri daripada petani-petani yang tinggal di kawasan luar bandar. Dengan demikian adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membantu mereka memajukan diri agar tidak lagi ketinggalan dalam segala bidang. Pada masa yang lalu ternyata bahawa pembangunan yang telah dilaksanakan adalah tidak seimbang di mana kawasan bandar mendapat lebih kemudahan jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar.

Selepas mencapai kemudahan, pemimpin negara mula mengambil perhatian tentang keadaan kesusahan yang timbul dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Pengalaman masa lampau iaitu di zaman darurat (1948-1961) di mana banyak masa dihabiskan dari segi merancang hal-hal yang bersangkutan dengan keselamatan negara. Walau bagaimanapun bermula pada tahun 1963 dengan terbentuknya Malaysia, maka usaha-usaha untuk mencapai perpaduan nasional dan integrasi kaum telah diberi perhatian yang lebih mendalam terutama sekali ketika negara menghadapi ancaman musuh dari luar.

Apabila berlakunya peristiwa berdarah 13hb. Mei 1969, iaitu selepas pilihanraya umum 1969, maka kerajaan telah mula membuat kajian semula tentang dasar pembangunan negara sebelum 1969, umpamanya didapati dari segi pendapatan perkapita antara kaum, orang Melayu ber-

pendapatan \$34/= sebulan, orang Cina \$68/= dan orang India \$57/=.

Dari segi isirumah yang miskin pula, didapati 74% daripada penduduk Malaysia yang miskin ialah orang Melayu sementara orang Cina sebanyak 17% dan orang India sebanyak 8%. (Rancangan Malaysia Ketiga, 1978, hlm. 5)

Di antara strategi yang telah dilakukan ialah pembentukan Teknik Bilik Gerakan Negara atau Teknik Bilik Operasi dan Sistem Buku Merah. Dari segi operasinya Bilik Gerakan Negara (akan disebut sebagai BGN) bergerak ditiga peringkat pentadbiran iaitu:-

- i. Peringkat Kerajaan Persekutuan
- ii. Peringkat Kerajaan Negeri
- iii. Peringkat Pejabat Daerah

BGN merupakan pusat penerangan dan perhubungan di mana Ahli Jawatankuasa dilantik bagi menjalankan segala operasi. AJK di setiap peringkat kerajaan negeri akan mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa, membuat keputusan tertentu, mengawal dan menyelaraskan operasi, menilai kemajuan dan menyelesaikan masalah pelaksanaan.

Pada peringkat kerajaan Persekutuan BGN berfungsi mengatur dan menyelaraskan segala operasi dalam bentuk arahan-arahan dan perintah dari masa ke semasa kepada pusat-pusat di peringkat negeri dan daerah. Teknik BGN dan Sistem Buku Merah ini digunakan dengan meluas dalam

Rancangan Malaya Kedua (1961-1965) di bawah pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pembangunan Desa. Pendek kata BGN diwujudkan di setiap Kementerian, negeri dan daerah untuk membuat peraturan dan menyelaraskan operasi secara menyeluruh.

Perancangan Sistem Buku Merah mengandungi garis panduan dan asas rangka kerja untuk perancangan pembangunan di semua negeri. Sistem ini menyediakan satu hirarki di dalam sistem perancangan yang menggunakan BGN sebagai pusat utama yang membentuk dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Manakala BGN lebih memberi perhatian kepada projek utama peringkat kebangsaan dengan fungsi utamanya untuk merancang, mengawal dan menentukan keberkesanan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Tujuan rancangan Sistem Buku Merah ini di dalam rancangan lima tahun, adalah memberi tumpuan sepenuhnya kepada usaha-usaha untuk pembangunan negara terutamanya kepada pembangunan ekonomi desa. Antara bidang-bidang tujuannya adalah seperti berikut:-

- i. Supaya komuniti desa mendapat perhatian sewajarnya.
- ii. Meningkatkan taraf hidup penduduk desa dengan menggalakkan industri desa. Juga memberi galakkan tertentu supaya kegiatan ekonomi dapat berjalan lancar.
- iii. Menyediakan kemudahan asas kepada penduduk desa.
- iv. Untuk memfokuskan ke atas perkhidmatan kerajaan dengan melakukan kerja-kerja penyelarasan supaya penduduk desa

dapat hidup lebih baik.

- v. Memberi pendidikan dan kesedaran kepada penduduk desa tentang daya produktiviti, kemajuan dan tentang kemakmuran negara berasaskan kerjasama semua pihak.
- vi. Meningkatkan pembangunan budaya di kalangan penduduk desa.

(Bengkel Pelan dan Perancangan  
Tempatan, 1984, Lampiran A)

Bagi mencapai objektif tersebut beberapa kaedah telah digunakan. Kaedah-kaedah tersebut ialah:-

- i. Semua polisi di semua peringkat iaitu menteri, kerajaan pusat, kerajaan negeri dan daerah akan memberi tumpuan kepada pembangunan desa.
- ii. Semua sumber-sumber kerajaan akan dipandu ke arah untuk mencapai matlamat tadi dengan lebih berkesan.
- iii. Untuk mewujudkan perpaduan dan kerjasama yang erat oleh semua badan-badan kerajaan yang antara lain dapat menghalang pengaruh komunis dan dalam masa yang sama dapat pula membangunkan kawasan desa.

Menjelang tahun 1970, satu lagi strategi pembangunan yang dianggap lebih berkesan telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan.

Strategi tersebut dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB). Ter-cakup dalam DEB ini ialah empat peringkat rancangan pembangunan iaitu RMK, RMT, RME dan kini telah memasuki ke Rancangan Malaysia Kelima (RML). DEB dirancang begitu rupa untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat terutamanya kaum Melayu. Objektif yang sering ditekankan dalam rancangan-rancangan pembangunan di Malaysia termasuk DEB ialah:-

- i. Mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum (RMK, 1971:1).
- ii. Mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pen-geulan kaum mengikut fungsi ekonomi. (RMK, 1971:1).

Dengan adanya DEB, didapati bahawa peranan Kementerian Pem-bangunan Negara dan Luar Bandar juga semakin penting. Peranan Kementerian tersebut telah bertambah dalam usaha untuk mempercepatkan lagi pencapaian matlamat DEB dalam tempoh 20 tahun. Kementerian tersebut bertanggungjawab bagi perancangan, penggubalan, perlaksanaan dan penilaian program serta strategi Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di antaranya matlamat kementerian tersebut ialah:-



- i. Meningkatkan taraf kehidupan.
- ii. Menambahkan peluang pekerjaan masyarakat luar bandar.
- iii. Mementingkan pendapatan penduduk luar bandar.
- iv. Menggalakkan penggunaan sumber-sumber tempatan secara optimum.
- v. Menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur.
- vi. Menyediakan kemudahan sosial
- vii. Mengadakan program ekonomi yang sesuai dengan tingkat kemahiran dan kebolehan masyarakat luar bandar.
- viii. Mengurangkan pergantungan masyarakat kepada kerajaan.
- ix. Mewujudkan satu masyarakat yang gigih berdikari dan bekerjasama.

(Buku rasmi tahunan Malaysia, 1984, hlm. 83)

Di samping itu kerajaan juga memainkan peranan penting di dalam kegiatan ekonomi negara melalui perbadanan-perbadanan awam seperti MARA, FELDA dan lain-lain. Campurtangan kerajaan melalui perbadanan-perbadanan seperti ini adalah kerana adanya kesedaran bahawa dasar ekonomi yang terlalu condong kepada pasaran bebas bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah-masalah sosial di Malaysia, tetapi juga menimbulkan beberapa implikasi politik negara yang mengandungi berbagai-bagai kaum ini.

Implikasi dari pembukaan tanah-tanah baru serta lain-lain rancangan di luar bandar maka kawasan-kawasan yang dahulunya hutan rimba telah dapat dijadikan kawasan-kawasan pertanian. Penduduk-penduduk desa yang menganggur sama ada secara ketara atau tidak, telah dapat dipindahkan ke rancangan-rancangan ini untuk diberikan pekerjaan di samping menambahkan pendapatan serta memperbaiki keadaan hidup mereka. Masalah-masalah pertanian seperti mendapatkan taliair, pinjaman serta pemasaran mulai mendapat perhatian. Pendek kata, dasar ekonomi dan pembangunan kerajaan sudah mulai mengalihkan pandangan dari hanya memberikan keutamaan kepada sektor perdagangan dan eksport-impot di bandar, kepada dasar yang lebih menyeluruh meliputi sektor luar bandar yang mengandungi ramai bilangan petani miskin serta golongan-golongan penduduk yang kebanyakannya berpendapatan rendah.

Dari strategi-strategi pembangunan di atas dapatlah di rumuskan bahawa kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membangun dan menyusun semula masyarakat dan juga kampung-kampung di seluruh negara. Kerajaan juga menyediakan kemudahan-kemudahan dan keperluan asas seperti penyediaan jalan, bekalan air, bekalan elektrik dan beberapa keperluan infrastruktur yang lain. Bagi kemudahan sosial disediakan pusat-pusat kegiatan masyarakat, khutub khanah desa dan sebagainya. Begitu juga dengan penubuhan industri kampung berdasarkan sumber-sumber tempatan dan sumber luar bagi meningkatkan penyertaan dan pendapatan penduduk luar bandar.

### 2.3 PEMBANGUNAN KOMUNITI

Pembangunan komuniti atau pembangunan masyarakat dalam konteks moden adalah satu konsep atau gerakan yang relatif baru, khususnya bagi negara-negara mundur atau sedang membangun. Dengan kata lain, pembangunan komuniti adalah satu program kesejahteraan sosial yang komprehensif dan mempunyai tujuan yang mencakup aspek kejiwaan dan kebendaan.

Tujuan utama program ini adalah untuk menyedar dan membangunkan masyarakat terutama sekali yang tinggal di kawasan luar bandar. Konsep pembangunan komuniti adalah penting untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dalam berbagai aspek ekonomi, sosial dan politik. Berbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan dan dengan demikian masyarakat dapat bergerak cergas dalam segala aspek kehidupan serta dapat mengubah cara mereka berfikir. Oleh yang demikian pembangunan komuniti dapatlah diertikan sebagai:

'Satu gerakan khas yang dirancang untuk meninggikan taraf hidup bagi semua masyarakat dengan peranan dan tindakan yang cergas serta atas daya usaha masyarakat itu sendiri.

(Ramli W.A., 1981, hlm. 42).

Dari pengertian di atas dapatlah dikatakan bahawa konsep pembangunan komuniti ini melibatkan keseluruhan masyarakat di mana ia memberi peluang kepada rakyat keseluruhan untuk menyertai segala program yang dijalankan serta bekerjasama sepenuhnya dengan kerajaan dalam usaha untuk mencapai objektif-objektif tertentu. Penyertaan dan kerjasama yang diberikan ini seterusnya akan melahirkan satu masyarakat yang progresif dengan cara berfikir yang lebih terbuka. Keadaan ini akan membawa pula kepada kemajuan-kemajuan yang berbentuk material dan sosial dalam kehidupan seharian di mana ia akan dapat dinikmati bersama oleh rakyat.

Rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan seharusnya berlandaskan keperluan-keperluan tertentu masyarakat. Rancangan-rancangan pembangunan komuniti yang tidak berlandaskan kepada kehendak masyarakat adalah bertentangan dengan objektif utama rancangan tersebut. Sebagai satu fenomena yang bercorak 'multi-purpose' iaitu cuba membawa perubahan dan kemajuan dalam segala aspek kehidupan, maka ia mesti ditumpukan sepenuhnya kepada masyarakat.

Bagi mencapai objektif tersebut, tiap-tiap anggota masyarakat perlu melibatkan diri secara aktif di dalam segala program yang dilancarkan. Hanya melalui cara ini sahajalah perubahan dapat dicapai dan seterusnya melahirkan masyarakat yang stabil.

Rancangan pembangunan komuniti ini sebenarnya telah dilaksanakan dibanyak negara dan ia telah menjadi 'mode' atau fesyen yang popular. Sebagai contoh di Korea Selatan, rancangan ini dikenali sebagai 'Saemaul Undong' dan telah mencapai kejayaan yang membanggakan. Sebahagian besar penduduk desa di Korea Selatan hari ini menikmati berbagai kemudahan hidup yang hampir sama dengan penduduk kota. Rumah mereka ada bekalan elektrik, radio, televisyen, peti sejuk dan seterika elektrik. Dalam tahun 1961 pendapatan keluarga adalah sebanyak \$95/= tetapi telah meningkat kepada \$252/= pada tahun 1971 dan hari ini menjadi \$6,600/=. (Dewan Masyarakat, Mac 1980, hlm. 22)

'Saemaul Undong' diperkenalkan untuk menyediakan program pembangunan desa yang akan menukar sikap negatif petani dan nelayan kepada sikap moden. Dengan itu mereka akan belajar dan berusaha membantu diri dan bekerjasama dengan yang lain untuk mencipta masyarakat yang berdikari dan utuh. Antara aspek 'Saemaul Undong' yang utama ialah untuk menanam dan mengukuhkan semangat serta sikap berdikari dan menghidupkan kembali semangat bergotong-royong dan kerja sukarela.

Begitu juga 'Projek Pembangunan Komuniti 10 Tahun', yang dilancarkan di Taiwan. Sehingga tahun 1978 sejumlah 3,359 kampung atau komuniti telah dibangunkan. Rancangan ini adalah suatu program kerja pembangunan sosial di mana tenaga setiap penduduk, kerajaan dan masyarakat bergabung menjadi satu pasukan untuk menyempurnakan kehidupan

rakyat menerusi pembinaan prasarana soisal dan projek ekonomi.

Di Malaysia, Rancangan Pembangunan Komuniti ini dilaksanakan di seluruh negara. Misalnya, Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan satu kajian yang mencakup 4,024 buah kampung tani, nelayan dan kampung-campuran di seluruh Semenanjung. Hasilnya didapati ada di antara kampung yang dikaji mempunyai prasarana yang baik tetapi pendapatan penduduknya rendah; dan ada pula yang sebaliknya. Maka dari kajian ini memungkinkan kerajaan mengetahui dengan jelas akan keadaan sebenarnya, kekurangan dan kelebihan, dan jenis bantuan atau projek yang diperlukan.

Di bawah program-program ini (Rancangan pembangunan Komuniti) satu rancangan telah dilancar di bawah kelolaan Unit Penyelarasan Per-laksanaan (ICU) dengan peruntukan khas dari Kerajaan Pusat. Rancangan tersebut ialah Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) yang mula dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Aspek yang menjadi tumpuan dalam program ini ialah mempertingkatkan moral, pembaikan rumah; diikuti dengan pembaikan keadaan kampung dan kemudiannya projek ekonomi. Pada dasarnya RPK di Malaysia samalah dengan konsep gerakan 'Saemaul Undong' yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Korea Selatan.

Jentera perlaksanaan RPK ini berpusat di ICU, turun ke peringkat negeri pada Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri, ke peringkat

Daerah pada Pegawai Daerah dan di peringkat kampung-kampung di pertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Namun demikian segala projek, penentuan rumah mana yang memerlukan bantuan umpamanya, adalah ditentukan oleh pihak JKKK. Jadi penentuan projek datangnya dari bawah, dirancangkan dari bawah; tetapi di koordinasikan, diawasi dan dibiayai dari atas.

Jadi disinilah timbulnya konflik di antara pihak JKKK dan masyarakat kampung terutamanya yang menganut fahaman politik yang bertentangan (UMNO-PAS) dalam pelaksanaan projek pembangunan atau penentuan rumah mana yang perlu dihulurkan bantuan. Juga akan timbul reaksi yang negatif dari penyokong parti pembangkang (dalam konteks kampung yang dikaji ialah PAS) dalam penyertaan mereka dalam projek pembangunan yang dilancarkan kerana rata-rata pihak JKKK adalah terdiri dari penyokong UMNO.

Dalam perlaksanaan semua projek, kerajaan pada umumnya akan memberikan bantuan bahan, bukannya bantuan kewangan. Penduduk kampung sendirilah yang akan menggunakan bahan-bahan itu, bergotong-royong membuat tandas, perigi, jalan dan memperbaiki rumah umpamanya. Kerajaan hanya akan mengeluarkan wang atau memberikan upah sekadarnya apabila betul-betul perlu sahaja. Jadi tuan rumah yang mendapat bantuan, terpaksa memperbaiki rumahnya sendiri, mengajak teman-teman bergotong-royong atau mengupah tukang mana yang perlu sahaja.

Konsep bantuan seperti 'menghidangkan makanan yang siap dimasak' atau 'memberikan pisang siap terkupas' tidak ada lagi. Setiap penduduk kampung bertanggungjawab dalam pelaksanaan, kerana merekalah yang telah memilih dan menentukan setiap projek.

Sebagai rumusan Rancangan Pembangunan Komuniti adalah satu program yang penting. Ianya telah dilancarkan di peringkat kampung untuk menyedarkan masyarakat luar bandar supaya bangun dan bersaing dengan masyarakat yang telah maju di bandar-bandar. Untuk mencapai hasrat tersebut kerajaan telah menyalurkan berbagai kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah, jalanraya, kemudahan kesihatan dan sebagainya. Di samping itu ia juga menggalakkan masyarakat mengambil bahagian dalam segala perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan dan akhir sekali menikmati hasilnya secara bersama. Satu organisasi yang dianggap penting dalam usaha untuk mencapai objektif Rancangan Pembangunan Komuniti ini ialah melalui penubuhan JKKK. Organisasi ini berfungsi sebagai penyambung atau penghubung antara pihak kerajaan dan rakyat.



## BAB III

### ORGANISASI JKJK

#### 3.1 JKJK SEBAGAI AGEN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Rancangan Pembangunan Komuniti yang dilaksanakan di negara ini mempunyai matlamat utamanya untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar. Kebanyakan aktiviti-aktiviti atau program-program pembangunan adalah dilaksanakan serta disalurkan melalui pelbagai agensi yang mana ia diharapkan dapat membawa perubahan-perubahan dalam segala aspek kehidupan komuniti luar bandar. Untuk tujuan ini JKJK telah ditubuhkan dan diamanahkan sebagai satu organisasi yang dapat menentukan serta melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan berjalan lancar dan dapat memberi hasil yang memuaskan.

JKJK merupakan satu organisasi kepimpinan peringkat bawahan yang dianggotai oleh anggota komuniti sesebuah kampung. Melalui organisasi tersebut rakyat dapat menyuarakan hasrat dan perasaan tidak puas hati mereka di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan. Seterusnya melalui organisasi JKJK dapat pula disampaikan ke pihak atasan melalui beberapa peringkat lagi. Jadi di sini jelaslah peranan JKJK sebagai agen pembangunan komuniti yang berfungsi untuk memajukan penduduk luar bandar.

### 3.2 SEJARAH PENUBUHAN JKKK

JKKK ditubuhkan mengikut Arahan No.3, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 1962. Organisasi ini ditubuhkan dengan tujuan untuk bergerak sebagai satu badan yang dapat menyatupadukan seluruh jiwa rakyat dan tenaga rakyat di kampung-kampung bagi kemajuan dan faedah mereka sendiri. (Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, 1962, hlm. 2)

Di sini jelaslah bahawa JKKK bertindak sebagai sebuah organisasi yang menggalakkan penyertaan rakyat dalam segala bidang demi untuk kesejahteraan dan kemajuan bersama. Oleh yang demikian dengan penubuhannya JKKK diharap dapat memainkan peranan penting dan memberikan sumbangan yang besar terutamanya dalam usaha untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi serta membawa kepada perubahan sikap dan cara berfikir kepada masyarakat luar bandar.

Pada asalnya organisasi ini dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) di mana bidang tugasnya cuma tertumpu kepada kemajuan kampung tanpa memberi perhatian kepada faktor keselamatan. Bagaimanapun berikutan dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara pada 8hb. Julai, 1975 mengenai Rancangan Rukun Tetangga dan Pelancaran Rancangan Perhubungan Masyarakat anjuran Lembaga Perpaduan Negara, perubahan-perubahan berikut telah dibuat kepada JKK:-

- i. Nama Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan menjadi  
JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JKKK);
- ii. Perubahan nama ini berkuatkuasa mulai 8hb. Ogos, 1975;
- iii. Tugas tambahan kepada JKKK ialah 'Menjaga keselamatan kampung dari anasir-anasir jahat yang hendak merosakkan masyarakat dan negara. Melaporkan aktiviti-aktiviti mereka kepada pihak berkuasa dan menyusun rondaan serta membuat banci penduduk apabila dikehendaki;
- iv. Di kawasan di mana pasukan RELA tertubuh, ketua RELA akan dilantik menjadi ahli JKKK;
- v. Di kawasan di mana pasukan RELA belum tertubuh, orang perseorangan yang berpengaruh dari segi keselamatan hendaklah dilantik menjadi ahli JKKK;
- vi. Satu Jawatankuasa Penyelaras Kemajuan dan Keselamatan Mukim hendaklah ditubuhkan juga di peringkat Mukim. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh penghulu.
- vii. JKKK yang ditubuhkan di kampung-kampung baru akan mempunyai tugas yang sama dan hendaklah diselaraskan di peringkat mukim oleh penghulu;
- viii. Di kawasan perbandaran di mana Rancangan Perhubungan Masyarakat (anjuran Lembaga Perpaduan Negara) telah dilancar dan dilaksanakan, JKK yang tertubuh dahulu adalah dibubarkan. Sebagai langkah menghapuskan salah faham kumpulan JKK

hendaklah dijadikan satu daripada unit Majlis Perhubungan Masyarakat.

JKKK telah memulakan operasi sepenuhnya pada tahun 1966 selepas terbitnya Panduan Arahan No. 3, Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Melalui panduan ini telah mengarahkan bahawa tiap-tiap Jawatankuasa Pembangunan Negeri (sekarang dikenali sebagai Jawatankuasa Tindakan Negeri) dikehendaki menubuhkan JKKK di mana kawasan yang difikirkan perlu sebagai satu cara untuk menggalakkan penglibatan rakyat di dalam program pembangunan luar bandar. Kaedah yang dijalankan ini telah banyak dilakukan di Amerika Syarikat dan India di mana kejayaan negara tersebut telah menjadi inspirasi kepada kerajaan Malaysia.

Berbagai program telah dilancarkan untuk menggalakkan penglibatan pemimpin peringkat kampung dengan masyarakat. Antara program-program tersebut ialah 'Gerakan Maju 1966', 'Jaya diri 1968', 'Gerakan pembaharuan 1972' dan 'Rancangan Pemulihan Kampung'. Sebagai contohnya Gerakan Pembaharuan adalah berkehendakkan pembaharuan sikap, pembaharuan cara berfikir dan pembaharuan cara bertindak oleh semua pihak yang terlibat dalam rancangan-rancangan pembangunan masyarakat baik pihak rakyat mahu pun pihak kerajaan. Begitu juga dengan Rancangan Pemulihan Kampung yang melibatkan organisasi JKKK secara total dalam membangunkan masyarakat. Jadi di sini jelaslah bahawa JKKK bertindak se-

bagai agen pembaharuan untuk mengubah cara hidup dan menyatupadukan masyarakat kampung.

### 3.2.1 Keahlian JKKK

JKKK ini akan mengandungi seorang ketua kampung<sup>1</sup> sebagai pengerusi dan lebih dari 10 orang ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah dan disahkan oleh Menteri Besar/Ketua Menteri. Walau bagaimanapun bilangan ini tidaklah boleh melebihi dari 15 orang termasuk Pengerusi. Di antara ahli-ahli yang dilantik ini hendaklah ada wakil dari golongan belia dan golongan wanita. Di kampung di mana masyarakatnya berbilang kaum adalah dicadangkan supaya sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa itu adalah dari kaum yang lain. Keanggotaan corak ini bertujuan untuk menggalakkan JKKK memikirkan bahawa muhibbah dan perhubungan baik dalam masyarakat serta perpaduan antara kaum adalah juga matlamat pembangunan.

---

<sup>1</sup> Di Kampung Kangkong (tempat kajian) Pengerusi yang dilantik bukanlah seorang ketua kampung. Ini kerana di kampung ini tidak wujud sistem Ketua Kampung. Oleh yang demikian seorang yang difikirkan dapat menjadi pemimpin serta bertanggungjawab telah dilantik untuk menjawat jawatan Pengerusi JKKK.

### 3.2.2 Bidang Kuasa JKKK

Secara kasarnya JKKK ini adalah bertanggungjawab dalam aktiviti-aktiviti dan kerja-kerja pembangunan masyarakat di dalam sebuah kampung. Ia juga merupakan institusi atau jentera yang menjadi saluran untuk orang-orang kampung menyuarakan kehendak, pandangan serta masalah mereka kepada kerajaan melalui Pejabat Daerah. Dalam masa yang sama juga mereka dikehendaki menjadi saluran kerajaan di peringkat kampung dalam menjayakan berbagai aktiviti kampung yang dirancangan oleh kerajaan melalui jabatan-jabatan tertentu secara bermasyarakat. Dengan demikian kordinasi antara badan-badan awam dan kerajaan dari segi perancangan dan pelaksanaan projek yang dibuat akan menghasilkan kejayaan yang cemerlang. Tugas dan tanggungjawab JKKK ini secara terperinci adalah seperti berikut:

- a. Menentukan rancangan-rancangan pembangunan yang hendak dilaksanakan di dalam kampung;
- b. Sesudah menentukan rancangan-rancangan itu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung mestilah memilih mana yang hendak didahului dan projek mana yang boleh dikemudiankan. Dalam pada itu mungkin ada beberapa projek yang dilaksanakan berasingan;
- c. Melaksanakan projek-projek yang telah dipersetujui. Pelaksanaan ini dibuat sama ada oleh orang-orang kampung sendiri

atau secara bekerjasama dengan badan-badan/Jabatan-jabatan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela dan sebagainya;

- d. Mengambil daya usaha serta memimpin untuk menjayakan projek-projek yang telah dipersetujui terutamanya dari segi berikut:-
  - i. bergotong-royong yakni menggalakkan penyertaan bersama oleh orang-orang kampung.
  - ii. kelicinan perjalanan kesemua projek yang sedang dilaksanakan.
  - iii. menyediakan atau membantu menyediakan tempat dan sebagainya untuk perlaksanaan suatu projek.
- e. Menjadi badan penghubung antara orang-orang kampung dengan kerajaan dan badan-badan luar.
- f. Bertanggungjawab bersama-sama dengan badan-badan/jabatan-jabatan kerajaan atau pertubuhan-pertubuhan sukarela untuk menilai projek-projek pembangunan dan selanjutnya mengambil tindakan-tindakan yang perlu;
- g. Menjaga keselamatan kampung dari anasir-anasir jahat yang hendak merosakkan masyarakat dan negara. Melaporkan aktiviti-aktiviti mereka kepada pihak berkuasa dan menyusun rondaan serta membuat banci penduduk apabila dikehendaki;
- h. Membuat peraturan-peraturan yang sesuai untuk perlantikan dan tugas-tugas Setiausaha Jawatankuasa;

- i. Menyimpan segala rekod rancangan pembangunan untuk kampung itu termasuklah di antaranya minit-minit mesyuarat;
- j. Menjemput sesiapa yang difikir sesuai kerana pengalaman pekerjaan atau kebolehan yang ada padanya untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa;
- k. Melaksanakan apa jua projek atau aktiviti yang difikirkan ada perkaitannya dengan pembangunan;
- l. Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

Semua aktiviti JKKK ini akan cuba diselesaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Masyarakat, yang kemudiannya pula akan mengemukakan di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Keselamatan Daerah dan Jawatankuasa Pembangunan Daerah. Di sini ia akan dipanjangkan pula kepada Pegawai Kemajuan Negeri melalui Jawatankuasa Tindakan Negeri bagi penglibatan Kerajaan Pusat. Kemudian sesuatu perkara itu akan disampaikan pula kepada Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri untuk tindakan selanjutnya.<sup>2</sup>


Kedaaan saluran (network) seperti ini adalah mencerminkan manifestasi perancangan dan perlaksanaan secara sistem 'atas - bawah' dan 'bawah - atas' yang bertujuan untuk mendapatkan penglibatan semua pihak yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembangunan. Untuk lebih

<sup>2</sup> Keterangan ini diperolehi dari temubual dengan Pegawai Unit Perlaksanaan Perancangan (ICU), Jabatan Perdana Menteri: Encik Mahizan pada 21 Nov. 1985.



memahami keadaan perancangan dan penyelarasan melalui sistem Jawatan-kuasa Negeri dan Daerah serta jentera pentadbiran di peringkat daerah, di sini diperturunkan rajahnya. (Rajah I)

RAJAH I: PENYELARASAN PENTADBIRAN



### 3.2.3 Pemilihan Pengerusi JKKK Serta Ahli-ahli JKKK

Dalam mesyuarat Yang Berhormat Menteri/Menteri Besar/Ketua-ketua Menteri pada 3hb. September, 1975, satu panduan mengenai perkhidmatan Pengerusi JKKK serta ahli-ahlinya telah diputuskan seperti berikut:-

#### (A) Pengerusi JKKK

##### 1. Kelayakan

Seseorang calon untuk jawatan Pengerusi JKKK adalah dikehendaki mempunyai kelayakan-kelayakan berikut, kecuali Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri boleh melantik sesiapa juga yang tiada mempunyai sebahagian daripada kelayakan berikut:-

- (a) Berumur tidak kurang daripada 30 tahun.
- (b) Bermastautin di kampung yang berkenaan.
- (c) Ada kebolehan mengurus dan mentadbir.
- (d) Orang yang dihormati dan disegani oleh anak-anak kampung.
- (e) Tidak pernah didapati salah kerana sesuatu kesalahan jenayah.

##### 2. Cara Perlantikan

- (a) Pengerusi JKKK dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri dengan pengakuan daripada Pegawai Daerah. Perakuan tersebut dibuat setelah berunding dengan Jawatankuasa berkenaan.

(b) Peringkat-peringkat jawatan terbahagi kepada 3 tingkatan:-

- i. Peringkat 'A' - perkhidmatan lebih daripada 15 tahun.
- ii. Peringkat 'B' - perkhidmatan lebih daripada 10 tahun tetapi kurang daripada 15 tahun.
- iii. Peringkat 'C' - perkhidmatan kurang daripada 5 tahun.

(c) Tempoh perlantikan ialah selama 3 tahun.

(d) Tempoh perkhidmatan boleh dilanjutkan dengan perakuan daripada Pegawai Daerah.

### 3. Bayaran Saguhati

Pengerusi JKKK dibayar saguhati oleh Kerajaan Negeri atas Gred Saguhati berikut:-

- (a) Peringkat 'A' - tidak kurang daripada \$300/- setahun.
- (b) Peringkat 'B' - tidak kurang daripada \$250/- setahun.
- (c) Peringkat 'C' - tidak kurang daripada \$200/- setahun.

Walau bagaimanapun bagi negeri-negeri yang telah membayar lebih daripada ini dan mampu berbuat demikian boleh meneruskannya.

### 4. Keistimewaan.

- (a) Diberi lencana
- (b) Diberi buku peringatan harian (diary) rasmi pada tiap-tiap tahun.

- (c) Diberi \$800/- serta elaun perjalanan kerana menghadiri mesyuarat bagi satu hari atau sebahagian daripadanya yang dipanggil oleh mana-mana pejabat yang berkenaan. Elaun ini hendaklah dibayar oleh pejabat yang memanggil.

#### 5. Ganjaran (Gratuity)

Pengerusi JKKK yang ditamatkan perkhidmatannya atau berhenti dengan sendiri setelah berkhidmat dengan tidak putus-putus selama lebih daripada 5 tahun diberi wang ganjaran sebanyak \$200/-.

#### 6. Penamatan Perkhidmatan

Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri berkuasa dalam keadaan dan ketika mana jua pun menamatkan perkhidmatan Pengerusi JKKK jika difikirkan ianya tidak lagi layak memegang jawatannya. Ini adalah dengan perakuan daripada Pegawai Daerah.

### (B) Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

#### 1. Syarat-syarat Perlantikan

- (a) Ahli JKKK hendaklah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri dengan perakuan daripada Pegawai Daerah.
- (b) Ahli-ahli JKKK hendaklah terdiri daripada orang yang dianggap mewakili lapisan atau cross-section penduduk yang tinggal di kawasan itu;

- (c) Ahli JKKK hendaklah orang yang tidak melakukan sebarang kesalahan jenayah atau kesalahan-kesalahan lain yang boleh mencemarkan dirinya.
- (d) Tempoh perkhidmatannya ialah selama 3 tahun.
- (e) Tempoh perkhidmatan ini boleh dilanjutkan dengan perakuan Pegawai Daerah.
- (f) Perkhidmatan ahli JKKK adalah secara sukarela dan tidak diberi apa-apa bayaran.

(c) Setiausaha JKKK

1. Syarat-syarat Perlantikan

- (a) Setiausaha JKKK hendaklah dilantik antara ahli-ahli JKKK dengan cara undi terbanyak dan disahkan oleh Pegawai Daerah.
- (b) Tempoh perlantikan adalah dari setahun ke setahun.
- (c) Setiausaha boleh dilantik buat beberapa tahun atas budi bicara ahli-ahli JKKK sendiri.

2. Penamatan Perkhidmatan

JKKK boleh pada bila-bila masa memberhentikan seseorang Setiausaha jika difikirkan orang itu tidak layak lagi memegang jawatannya dan ini hendaklah dibuat dengan cara 2/3 daripada ahli JKKK itu.

### 3.3 MESYUARAT

Mengikut surat perlantikan, setiap JK KK mestilah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali. Dalam mesyuarat ini ahli-ahli JK KK akan membincangkan berbagai-bagai program serta masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung, menyuarakan pendapat dan cara menyelesaikan masalah-masalah dan berbagai perkara lagi yang bersangkutan dengan penduduk kampung.

Kerajaan negeri akan membayar tidak kurang daripada \$10/- bagi tiap-tiap mesyuarat JK KK untuk menampung perbelanjaan mesyuarat tersebut. Peruntukan ini akan dihadkan kepada tidak lebih daripada 12 mesyuarat setahun.

Walau bagaimanapun di kampung ini mesyuarat yang diadakan adalah tidak tetap.<sup>3</sup> Sekiranya ada perkara yang mustahak perlu dibincangkan barulah ahli JK KK dipanggil menghadiri mesyuarat. Selalunya mesyuarat akan diadakan pada awal tahun di mana projek-projek baru akan dikemukakan. Jadi dengan kata lain mesyuarat tidak diadakan sebagaimana yang ditetapkan. Kadang-kadang apabila mesyuarat diadakan pihak JK KK akan menjemput wakil dari agensi kerajaan, misalnya Pegawai dari Jabatan Parit dan Taliair (JPT) untuk menolong penduduk kampung menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan taliair.

---

<sup>3</sup> Keterangan ini diperolehi daripada temubual dengan Pengerusi JK KK pada 28 Ogos 1985.

3.4 JKKK DI PERINGKAT NEGERI KEDAH

Secara keseluruhannya terdapat II daerah dalam Negeri Kedah. Daerah-daerah tersebut ialah Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap, Langkawi, Kuala Muda, Yan, Sik, Baling, Kulim, Bandar Baru dan Pendang.

Dari senarai JKKK negeri Kedah 1983/85 yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, didapati ada sebanyak 124 mukim dalam negeri Kedah. Sementara bilangan kampung yang mempunyai organisasi JKKK dalam II mukim tersebut ialah sebanyak 965 buah. Kedudukannya adalah seperti Jadual I.

Jadual I: Kedudukan Bilangan JKKK Mengikut Daerah.

Daerah	Bilangan Mukim	Bilangan JKKK	Bilangan ahli JKKK
Kota Setar	32	125	2,646
Kubang Pasu	12	128	1,885
Padang Terap	12	50	684
Langkawi	6	36	427
Kuala Muda	16	74	1,065
Yan	5	52	643
Sik	4	84	945
Baling	7	125	1,517
Kulim	15	66	856
Bandar Baru	7	37	522
Pendang	8	128	1,368
Jumlah	124	965	12,558

Sumber: Pegawai Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU),  
Jabatan Perdana Menteri - Encik Mahizan,  
Temubual pada 21 Nov. 1985.



### 3.5 TARAF PENDIDIKAN JKJK

Secara keseluruhannya tahap pendidikan yang diterima oleh anggota-anggota JKJK di kampung ini adalah rendah. Berdasarkan jadual 2 didapati bahawa golongan yang mempunyai pendidikan sekolah rendah yang memonopoli jawatan-jawatan di dalam organisasi tersebut. Golongan ini seramai 11 orang atau 73.3%. Di antara 11 orang ini terdapat juga anggota JKJK yang hanya mendapat pendidikan paling minima iaitu setakat darjah 4 sahaja. Paling maksimum golongan ini cuma menamatkan sekolah hingga ke darjah 6 sahaja. Disebabkan pendidikan yang diterima mereka cuma boleh menulis dan membaca sahaja. Walau bagaimanapun terdapat juga anggota JKJK yang mendapat pendidikan tambahan iaitu di sekolah-sekolah Arab dan agama selepas mereka menamatkan darjah 6 sekolah rendah. Terdapat juga seorang wakil wanita (6.7%) yang tidak mendapat pendidikan langsung.

Sementara itu ada juga golongan yang mendapat pendidikan hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Dari jumlah seramai 15 orang, cuma seorang sahaja (6.7%) daripada anggota JKJK yang mendapat pendidikan hingga ke peringkat Sekolah Menengah Rendah. Pendidikan paling tinggi yang diperolehi oleh anggota-anggota JKJK ialah pada peringkat Kolej/Universiti iaitu seramai 3 orang atau 20.0%. Ketiga-tiga mereka itu ialah Pengerusi JKJK, Setiausaha dan Bendahari. Dua daripada mereka lulusan Maktab Perguruan dan seorang lagi lulusan Institut Kemahiran Mara.

Jadual 2: Taraf Pendidikan JKKK

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak bersekolah	1	6.7
Sekolah Rendah	11	73.3
Sekolah Menengah Rendah	1	6.7
Sekolah Menengah Atas	0	0.0
Kolej/Universiti	3	20.0
Lain-lain	0	0.0
Jumlah	15	100.0

Sumber: Rekod Senarai ahli JKKK

Sebenarnya latar belakang pendidikan merupakan salah satu faktor penting di dalam mempengaruhi proses membuat keputusan. Tugas merancang dan membuat sesuatu tindakan untuk kepentingan bersama adalah dibuat oleh anggota JKKK yang mempunyai pendidikan tinggi berbanding dengan anggota yang lain. Walau bagaimanapun golongan yang berpendidikan rendah tidak pula diketepikan tetapi mereka juga memainkan peranan penting dalam membantu anggota yang lain membuat keputusan.

### 3.6 PEKERJAAN JKJK

Sebagaimana yang diketahui kegiatan ekonomi penduduk kampung ini ialah bersawah padi. Di samping itu disebabkan kedudukannya yang berdekatan dengan pantai, menjadikan kegiatan menangkap ikan sebagai satu mata pencarian yang penting juga. Walau bagaimanapun terdapat juga kategori pekerjaan yang lain seperti berniaga, guru, Pembantu KEMAS, Penyelia termasuk juga seorang suri rumah. Kalau diteliti dapatlah dirumuskan bahawa taraf pendidikan mempunyai kaitan yang rapat dengan pekerjaan ahli JKJK. Golongan yang mendapat taraf pendidikan yang agak tinggi berkhidmat dengan kerajaan dan sebaliknya yang kurang berpendidikan menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian dan ada juga yang menjadi nelayan atau menjalankan perniagaan sendiri.

Dari jadual 3 didapati bahawa bilangan anggota JKJK yang terlibat dalam kegiatan pertanian merupakan golongan yang paling ramai iaitu 4 orang atau 26.7%. Ini diikuti pula oleh pekerjaan sebagai nelayan dan pembantu/Penyelia KEMAS. Masing-masing ialah seramai 3 orang atau 20.0%. Dari jumlah seramai 15 orang, terdapat 2 anggota JKJK atau 13.3% yang menjadi peniaga dan 2 orang atau 13.3% berkhidmat sebagai guru/guru besar. Dari jumlah keseluruhan JKJK hanya terdapat seorang sahaja suri rumah yang menjadi anggota JKJK.

Jadual 3: Pekerjaan JKKK

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Bersawah	4	26.7
Nelayan	3	20.0
Berniaga	2	13.3
Suri rumah	1	6.7
Pembangu/Penyelia KEMAS	3	20.0
Guru/Guru besar	2	13.3
Jumlah	15	100.0

Sumber: Rekod Senarai JKKK

### 3.7 UMUR JKKK

Dari jadual 4 didapati JKKK yang dilantik terdiri dari golongan yang berumur antara 30-60 tahun. Dari jumlah keseluruhan JKKK, seramai 8 orang atau 53.3% anggota JKKK yang berumur dalam lingkungan 41-50 tahun. Seramai 3 orang atau 20.0% berumur antara 31-40 tahun. Selebihnya 4 orang atau 26.7% berumur antara 51-60 tahun.

Jadual 4: Umur JKKK

Umur (tahun)	Bilangan	Peratus (%)
0 - 20	0	0
21 - 30	0	0
31 - 40	3	20.0
41 - 50	8	53.3
51 - 60	4	26.7
61 ke atas	0	0
Jumlah	15	100.0

Sumber: Rekod Senarai JKKK

### 3.8 PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI KAMPUNG KANGKONG

Berbagai-bagai projek pembangunan telah disalurkan oleh pihak kerajaan melalui organisasi JKKK untuk memajukan kampung tersebut. Kebanyakan projek pembangunan yang dijalankan di kampung ini melalui pihak JKKK lebih merupakan projek prasarana sosial. Ini termasuklah pembinaan titi, jalarraya, jalan tanah merah serta pembinaan dewan orang ramai. Sementara subsidi-subsidi yang diberikan adalah seperti lembu pawah dan ayam daging serta ayam telur dari pihak Jabatan Haiwan.

Projek-projek prasarana sosial ini boleh digunakan oleh semua penduduk kampung. Sebaliknya subsidi-subsidi yang diberi pula adalah hanya kepada beberapa keluarga tertentu.

Secara umumnya projek-projek pembangunan yang dijalankan adalah dibawah kelolaan Pejabat Daerah. Di samping itu terdapat juga projek wakil rakyat iaitu sama ada wakil Parlimen atau Negeri. Kesemua projek ini adalah disalurkan melalui JKKK, iaitu sekiranya hendak membina sebuah titi, maka menjadi tugas JKKK untuk mengemukakan kepada wakil rakyat. Sekiranya permohonan diluluskan wakil rakyat akan meminta senarai barang-barang yang diperlukan. Jadi barang-barang keperluan ini akan diberi kepada JKKK. Bantuan yang diberikan bukanlah berbentuk wang tunai, tetapi sebaliknya dalam bentuk alat-alat yang diperlukan untuk pembinaan sebuah titi kayu. Kerja-kerja pembinaan titi pula dilakukan secara bergotong-royong oleh penduduk kampung. Sementara itu projek-projek kerajaan pusat pula adalah dilakukan melalui tender, bukannya melalui pihak JKKK.

Di antara projek yang sedang di bawah kelolaan pihak JKKK kampung ini ialah projek pembinaan Dewan orang ramai yang dibina di kampung Alor Pulai. Peruntukan untuk membina dewan ini datang dari wakil rakyat parlimen iaitu sebanyak \$4,000/=. Sebanyak \$1,500/= daripada jumlah tersebut telah diberikan pada tahun lalu (1984), sementara yang selebihnya akan diberikan pada tahun ini (1985).

Sementara itu projek di Kampung Kangkong pula ialah membaiki titi kayu dengan perbelanjaan sebanyak \$1,000/=. Bantuan yang diberikan pula berupa bantuan tandas curah yang merupakan peruntukan wakil rakyat. Selain daripada itu terdapat juga projek pembinaan 'bangsal kenduri' yang merupakan peruntukan wakil rakyat negeri berjumlah sebanyak \$2,000/= serta projek mengecat madrasah sebanyak \$3,000/=. Kedua-dua projek ini adalah terletak di Kampung Sala Kecil.<sup>4</sup>

Di samping itu terdapat juga kegagalan dalam usaha memberikan bantuan kepada penduduk kampung. Sebagai contoh pemberian subsidi lembu pawah oleh Pejabat Haiwan Negeri Kedah. Projek ini tidak berjaya kerana lembu yang diberikan iaitu jenis lembu Australia yang didapati tidak sesuai. Kekurangan pengetahuan penduduk kampung ini terhadap penjagaan lembu-lembu tersebut membuatkan projek ini menemui kegagalan.

---

<sup>4</sup> Kesemua data-data ini diperolehi dari Pengerusi JKKK.

## BAB IV

### KEPIMPINAN JKKK DAN MASYARAKAT KAMPUNG

#### 4.1 LATARBELAKANG RESPONDEN

Jumlah keseluruhan responden yang dipilih secara random di dalam kajian ini ialah seramai 50 orang. Dari jumlah ini 4 daripadanya terdiri daripada kaum perempuan. Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan organisasi JKKK dan pembangunan peringkat bawahan, maka pengkaji merasa perlu untuk meneliti latarbelakang responden kerana golongan inilah yang boleh mewakili seluruh pendapat penduduk kampung tersebut mengenai kepimpinan JKKK. Responden-responden yang dipilih adalah terdiri daripada ketua isirumah.

#### 4.1 (a) UMUR RESPONDEN

Daripada jadual 5 didapati bahawa kebanyakan responden adalah berumur di antara 31-40 tahun. Dari jumlah keseluruhan, seramai 16 responden atau 32% yang berada di dalam lingkungan umur tersebut. Manakala bilangan responden terkecil ialah di dalam lingkungan umur 21-30 tahun. Ini kerana kebanyakan responden adalah terdiri daripada ketua isirumah yang kebanyakannya sudah berkahwin 9 orang atau 18% adalah berumur antara 41-50 tahun dan seramai 10 atau 20% responden berumur antara 51-60 tahun. Sementara itu golongan yang berumur 61 tahun ke atas merupakan golongan yang kedua ramainya iaitu 12 orang atau 24%.



Umur adalah faktor yang penting untuk melihat perbezaan pendapat antara golongan tua dan golongan muda dalam segala hal kehidupan. Demikian juga, ia dapat menggambarkan bagaimana pemikiran moden golongan muda bertentangan atau, tidak sehaluan dengan golongan tua.

Jadual 5: Umur Responden

Umur (tahun)	Bilangan	Peratus (%)
0 - 20	0	0
21 - 30	3	6
31 - 40	16	32
41 - 50	9	18
51 - 60	10	20
61 ke atas	12	24
Jumlah	50	100

Sumber: Soal-selidik

#### 4.1 (b) TARAF PENDIDIKAN RESPONDEN

Dari segi taraf pendidikan responden, didapati bahawa lebih daripada 3/4 responden mendapat pendidikan sekolah rendah atau pun tidak pernah bersekolah langsung. Dari jumlah keseluruhan didapati 36

responden atau 72% adalah mendapat pendidikan sekolah rendah manakala 6 orang lagi atau 12% tidak pernah bersekolah langsung. Seramai 2 responden atau 4% mendapat pendidikan hingga ke peringkat Sekolah Menengah Atas dan 4 responden atau 8% adalah termasuk dalam kategori pendidikan lain-lain.<sup>1</sup> Sementara itu seorang responden sahaja yang mendapat pendidikan Sekolah Menengah Rendah. Terdapat seorang saja responden yang belajar hingga ke peringkat Kolej/Universiti. (Lihat Jadual 6)

Jadual 6: Taraf Pendidikan Responden

Taraf Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Tidak bersekolah	6	12
Sekolah Rendah	36	72
Sekolah Menengah Rendah	1	2
Sekolah Menengah Atas	2	4
Kolej/Universiti	1	2
Lain-lain	4	8
Jumlah	50	100

Sumber: Soal-selidik

<sup>1</sup> Kategori pendidikan lain-lain bermaksud mendapat pendidikan dari Sekolah Arab, Sekolah Agama atau Sekolah Dewasa.

#### 4.1 (c) PEKERJAAN RESPONDEN

Taraf pendidikan mempunyai hubungan secara langsung dengan pekerjaan responden. Semakin tinggi taraf pendidikan seseorang itu, maka ini akan memungkinkannya mendapat pekerjaan yang lebih baik dan seterusnya akan meneguhkan kedudukan ekonominya.

Disebabkan kegiatan ekonomi yang utama di kampung ini adalah berasaskan pertanian, maka daripada jumlah 50 responden didapati bahawa seramai 28 orang atau 56% adalah terdiri daripada petani. Mereka ini bekerja sama ada sebagai buruh upahan yang bekerja di tanah orang lain atau pun mereka bekerja di tanah mereka sendiri. Ada juga yang mengambil upah menanam padi di luar kampung atau mukim tersebut.<sup>2</sup> Sementara itu seramai 8 responden atau 16% yang menjadikan pekerjaan nelayan sebagai pekerjaan tetap mereka dan selebihnya seramai 14 responden atau 28% menceburkan diri dalam berbagai kegiatan lain seperti buruh binaan, berniaga, menjadi tukang rumah dan sebagainya. (lihat jadual 7)

---

<sup>2</sup> Golongan buruh upahan ini juga menjadikan kegiatan menangkap ikan sebagai pekerjaan sambilan mereka yang dijalankan selepas musim menanam padi. Ini kerana buruh-buruh upahan ini hanya diperlukan ketika musim menanam padi. Pada musim-musim lain seperti musim membajak dan menuai mereka tidak diperlukan kerana kerja-kerja ini dijalankan dengan menggunakan mesin.

Jadual 7: Pekerjaan Responden

Jenis Pekerjaan	Bilangan	Peratus (%)
Petani	28	56
Nelayan	8	16
Lain-lain	14	28
Jumlah	50	100

Sumber: Soal-selidik

4.1 (d) PENDAPATAN BULANAN RESPONDEN

Dari segi pendapatan bulanan, kebanyakan responden mempunyai tingkat pendapatan bulanan yang rendah. Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 8, kebanyakannya berpendapatan di bawah \$250/=. Dari jadual dapat dilihat seramai 41 responden atau 82% mempunyai tingkat pendapatan di bawah \$250/= sebulan. Sementara itu seramai 8 responden atau 16% pula berpendapatan antara \$251 - \$500/= sebulan. Pada tingkat pendapatan sebanyak \$501 - \$750 hanya terdapat seorang responden sahaja. Sementara itu tidak seorang pun daripada 50 responden yang mempunyai pendapatan lebih daripada \$751/=.

Jadual 8: Pendapatan Bulanan Responden

Pendapatan	Bilangan	Peratus (%)
Bawah \$250	41	82
\$250 - \$500	8	16
\$501 - \$750	1	2
\$751 - \$1000	0	0
\$1001 ke atas	0	0
Jumlah	50	100

Sumber: Soal-selidik

#### 4.2 POLITIK MASYARAKAT KAMPUNG KANGKONG

Masyarakat di Kampung Kangkong adalah terdiri daripada satu kelompok etnik, satu budaya, satu ugama dan satu cara hidup. Walaupun terdapat persamaan dalam budaya dan sosial tetapi dalam hal-hal politik, jelas wujud satu dikotomi pada penduduk-penduduk kampung ini. Kalau ditelitikan dari aspek politik didapati bahawa masyarakat kampung ini mempunyai satu variasi dalam budaya politik. Budaya politik yang dimaksudkan ini ialah sikap, kepercayaan, emosi dan nilai-nilai yang terdapat pada satu-satu masyarakat yang berkaitan dengan sistem politik atau pun isu-isu politik dalam negara. (Allan R-Ball, 1971, hlm. 56)

Dari pemerhatian pengkaji, didapati walaupun dari segi sosial, masyarakat kampung ini menampakkan ciri-ciri yang hampir seragam tetapi dalam soal

politik dapat dikesan bahawa ada seolah-olah belainan fahaman dalam penglibatan politik.

Oleh kerana wujudnya perbezaan sikap, kepercayaan, emosi dan nilai antara seorang individu dengan individu lain dan juga di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain, maka sudah tentu akan wujud perbezaan dalam fahaman politik antara satu golongan dengan golongan yang lain. Sering terdapat sikap pemusuhan antara parti-parti politik ini. Konflik ini juga boleh mewujudkan disintegrasi sosial antara penduduk di negara ini.

Secara umumnya terdapat dua buah parti politik yang amat berpengaruh di Kampung Kangkong iaitu parti UMNO dan PAS. Daripada jadual 9 didapati seramai 30 responden atau 60% yang disoal mengatakan mereka memilih atau menyukai parti UMNO. Sementara itu seramai 18 responden atau 36% pula memilih parti PAS. Yang selebihnya terdapat 2 responden atau 4% yang tidak menyebelahi mana-mana parti atau mereka lebih bersikap berkecuali.

Jadual 9: Parti Politik Yang Dipilih Oleh Responden

Parti Politik	Bilangan	Peratus (%)
UMNO	30	60
PAS	18	36
Lain-lain/tidak tahu	2	4
Jumlah	50	100

Sumber: Soal-selidik

Sebenarnya parti mana yang disokong oleh penduduk kampung itu juga secara tidak langsung akan mempengaruhi pandangan responden terhadap kepimpinan JKKK. Di sebabkan JKKK adalah dianggap sebagai orang (wakil) UMNO oleh penyokong-penyokong PAS, maka mereka mempunyai pandangan yang negatif terhadap tindak-tanduk anggota JKKK.

Sementara itu apabila disoal tentang alasan mereka menyokong sesebuah parti politik itu, didapati dari 50 responden seramai 15 orang atau 30% memberi jawapan berasaskan sifat-sifat agama. Seramai 12 responden atau 24% memilih sesuatu parti politik itu dengan alasan sukakan parti politik itu sendiri. 12 responden juga (24%) tidak dapat memberi jawapan mengapa mereka memilih satu-satu parti itu. Selain daripada itu seramai 3 orang atau 6% memilih parti politik itu kerana peluang-peluang cemerlang yang disediakan. Dalam konteks ini sudah tentulah

peluang-peluang itu datangnya dari pihak kerajaan. Peluang-peluang yang dimaksudkan ini mungkin merupakan bantuan-bantuan atau subsidi-subsidi yang diberi seperti baja. Terdapat 2 responden yang memilih parti politik kerana ideologi parti tersebut sementara 2 responden juga memberi alasan terdapatnya kemudahan. Selebihnya seramai 4 responden lagi memberi lain-lain alasan.

Jadual 10: Alasan Responden Memilih Parti Politik

Alasan	Bilangan	Peratus (%)
Ideologi	2	4
Kemudahan	2	4
Peluang Cemerlang	3	6
Pemimpin Ikhlas	0	0
Bersifat Demokrasi	0	0
Bersifat Agama	15	30
Tidak Tahu	12	24
Lain-lain	4	8
Suka Parti Politik	12	24
Jumlah	50	100

Sumber: Soal-selidik



#### 4.3 PENDUDUK KAMPUNG DAN INTERAKSI SOSIAL

Penduduk kampung yang dikaji adalah terdiri dari orang-orang Melayu tempatan yang sejak turun-temurun menetap di kampung tersebut. Walau bagaimanapun terdapat juga orang-orang dari mukim atau kampung lain yang datang menetap di situ. Mereka kebanyakannya bergiat dalam bidang pertanian (sawah padi) dan menangkap ikan secara kecil-kecilan. Keseluruhannya adalah beragama Islam, walaupun terdapat juga segelintir keluarga Cina.

Apa yang jelas berkaitan dengan penduduk kampung ini ialah terdapatnya perhubungan yang erat antara satu sama lain. Ini berlaku mungkin kerana adanya pertalian kekeluargaan di antara mereka. Hubungan kekeluargaan yang terdapat seperti sepupu, dua pupu serta adik-beradik yang lain yang tinggal berdekatan antara satu sama lain merupakan satu fenomena yang biasa dalam pembentukan masyarakat kampung Melayu. Keadaan ini berlaku kerana mereka tidak mahu berjauhan dengan sanak-saudara mereka demi menjaga pertalian keluarga serta menjamin kerjasama di dalam satu-satu perkara.

Begitu juga dalam soal perkahwinan, kelompok keluarga atau sekurang-kurangnya masyarakat sekampung lebih menjadi pilihan. Ibu bapa dan golongan tua lebih suka sekiranya anak-anak mereka tinggal berdekatan dengan rumah mereka. Walau bagaimanapun akibat modeniti serta peluang-peluang dan kemudahan pelajaran yang disediakan oleh kerajaan

telah mendedahkan anak-anak kampung ini kepada dunia luar. Ada di antara anak-anak kampung ini yang telah berjaya melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti sama ada di dalam atau di luar negeri. Begitu juga ada yang telah mendirikan rumahtangga dengan orang luar, akan berpindah mengikut suami atau keluarga masing-masing.

Di tinjau dari segi interaksi sosial masyarakat kampung ini, jelas menunjukkan bahawa masih wujud perhubungan yang rapat di kalangan anggota-anggotanya. Kesedaran tentang semangat tolong-menolong dan kerjasama ini timbul akibat terdapatnya perhubungan 'face to face' dan perasaan setiakawan yang tinggi dalam masyarakat mereka.

Sifat kerjasama di kalangan penduduk kampung ini dapat dilihat apabila berlakunya sesuatu kesusahan pada seseorang anggota masyarakat kampung itu, iaitu bila berlakunya 'sakit pening'. Walaupun terdapatnya pertentangan politik, tetapi bila tiba pada keadaan-keadaan tertentu mereka tidak lagi memperhitungkan soal tersebut, sebaliknya mereka cuba memberikan pertolongan yang seikhlas-ikhlasnya.

Sebagai contoh dalam kampung tersebut terdapat seorang individu (A) yang menjadi pengikut parti PAS bahkan beliau merupakan penggerak kepada pertubuhan tersebut. Beliau juga seorang yang 'berada' di mana di rumahnya terdapat kemudahan talipon. Suatu ketika terdapat seorang penyokong UMNO (individu B) yang menghadapi masalah kerana salah seorang anggota keluarganya sakit. Beliau datang meminta pertolongan untuk meng-

gunakan kemudahan talipon di rumah individu A pada kira-kira jam 4.30 pagi. Individu A dengan senang hati telah membenarkannya menggunakan talipon di rumahnya.

Dalam hal ini mereka telah mengenyepikan soal-soal yang berkaitan dengan politik tetapi sebaliknya cuba menghulurkan pertolongan yang seikhlas-ikhlasnya. Sebenarnya kesedaran ini timbul kerana ikatan nilai dan norma-norma kehidupan masyarakat Melayu dan juga nilai-nilai agama Islam yang mereka anuti telah menjadikan mereka begitu sensitif sekali tentang apa yang berlaku pada anggota masyarakat.

Begitu juga dalam upacara kenduri-kendara di mana masing-masing seboleh-bolehnya mahu menolong apa yang difikirkan patut, sesuai dengan kemampuan mereka. Sifat gotong-royong ini dapat melahirkan sifat-sifat kemesraan dan menambahkan lagi perpaduan di kalangan mereka.

#### 4.4 INTERAKSI MASYARAKAT KAMPUNG DENGAN JKKK

Sebagaimana yang disebutkan tadi, bahawa dua buah parti yang paling berpengaruh di kampung ini ialah parti UMNO dan PAS. Kedua-dua parti ini mempunyai penyokong yang ramai. Boleh dikatakan bahawa interaksi antara penduduk kampung ini dengan pihak JKKK adalah berasaskan kepada fahaman politik mereka.

Memang tidak dinafikan bahawa anggota-anggota JKKK adalah terdiri daripada penyokong UMNO. Malahan terdapat beberapa orang anggota JKKK yang menjadi Ahli Jawatankuasa Pertubuhan UMNO sama ada di peringkat Bahagian atau Cawangan. Misalnya pengerusi JKKK sendiri adalah merupakan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Kedah, manakala penolong setiausaha JKKK merupakan pengerusi UMNO cawangan Kampung Sala Kecil dan wakil tunggal wanita dalam organisasi JKKK itu, juga merupakan wakil wanita UMNO kampung tersebut. Dengan demikian perkara ini sedikit sebanyak akan memberikan kesan pada interaksi antara JKKK dengan penduduk kampung tersebut dan seterusnya kepada kepimpinan mereka.

Sebenarnya interaksi antara kedua pihak tersebut (JKKK dan masyarakat kampung) adalah penting untuk menggalakkan penglibatan rakyat dalam projek-projek pembangunan. Sekiranya hubungan kedua-dua pihak ini baik, maka tidak akan timbul masalah dalam usaha untuk mendapatkan kerjasama penduduk dalam segala program yang dirancang dan dilaksanakan. Tetapi hakikat begini mungkin sukar ditemui lebih-lebih lagi terdapatnya pertentangan politik di kampung tersebut.

Dari pemerhatian yang dibuat didapati bahawa wujudnya pembahagian yang jelas mengikut fahaman politik di kalangan mereka. Terdapat empat buah kampung yang termasuk di bawah satu pentadbiran JKKK. Kampung-kampung tersebut seperti yang telah disebutkan adalah Kampung Kuala Kangkong, Kampung Permatang Kangkong, Kampung Sala Kecil dan Kampung Alor Pulai.

Apa yang dapat dikesan ialah Kampung Kuala Kangkong (termasuk Kampung Kangkong Kanan dan Kampung Kangkong Kiri) dan Kampung Alor Pulai merupakan markas bagi penyokong-penyokong PAS. Di kedua-dua Kampung inilah tinggalnya ramai penyokong PAS. Sementara dua buah kampung lagi iaitu Kampung Pematang Kangkong dan Kampung Sala Kecil pula merupakan kubu bagi penyokong-penyokong UMNO. Keadaan ini lebih ketara lagi bila lebih daripada setengah anggota JKKK tinggal di kedua-dua kampung tersebut.

Dari pemerhatian pengkaji didapati bahawa interaksi di antara penduduk kampung dengan anggota JKKK boleh dikatakan memuaskan pada 'mata kasar', tidak kira sama ada mereka dari golongan penyokong parti pemerintah atau parti pembangkang. Hubungan ini mungkin disebabkan oleh ikatan nilai-nilai kehidupan yang masih menebal di kalangan penduduk kampung ini. Tambahan lagi kebanyakan mereka merupakan penduduk asal kampung tersebut, maka sedikit sebanyak tentulah terdapatnya hubungan kekeluargaan yang 'merantai' tindak-tanduk mereka. Perasaan saling hormat menghormati menyebabkan wujudnya hubungan yang harmoni di antara penduduk kampung dan anggota JKKK.

Sebaliknya memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapatnya satu corak perhubungan yang negatif atau kurang memuaskan antara pihak JKKK (UMNO) dengan penyokong PAS. Terdapatnya sungutan-sungutan

dan tuduhan-tuduhan dari pihak yang tidak sefahaman dengan JKKK.<sup>3</sup> Sungutan dan tuduhan ini adalah berkaitan dengan bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui perantaraan JKKK.<sup>4</sup> Keadaan ini menyebabkan pihak JKKK sendiri menjadi serba-salah dalam menjalankan tugas mereka.

Dari temubual dengan pengerusi JKKK tentang keadaan ini, beliau menegaskan bahawa sebelum parti PAS berpecah dari Komponen Barisan Nasional, didapati perkara ini tidak timbul. Ini kerana terdapatnya wakil dari semua parti termasuk parti PAS sendiri di dalam organisasi JKKK.<sup>5</sup> Tetapi apabila PAS keluar dari Barisan Nasional, maka didapati sokongan dari pendukung parti PAS juga sudah mula berkurangan. Ekoran dari ini juga mulalah timbul sungutan dan rungutan serta perasaan tidak puas hati terhadap organisasi JKKK.

Sementara itu hubungan JKKK dengan pihak penyokong UMNO adalah baik. Mereka senang bekerjasama dengan pihak JKKK. Ini mungkin disebabkan oleh fahaman politik yang sama. Namun demikian pihak JKKK juga menghadapi tekanan 'dalaman' daripada pihak penyokong UMNO sendiri. Golongan

---

<sup>3</sup> Sungutan dan tuduhan ini kebanyakannya datang dari penuokong parti PAS yang memang tidak bersetuju dengan segala tindak-tanduk JKKK. Tuduhan dan sungutan ini juga adalah didorong oleh perasaan dan emosi mereka yang menganggap bahawa organisasi JKKK adalah sebahagian daripada parti UMNO dan bukannya agen pembangunan.

<sup>4</sup> Tuduhan dan sungutan ini akan diterangkan dalam tajuk kecil seterusnya.

<sup>5</sup> Dengan adanya wakil PAS dalam organisasi JKKK, maka penyokong PAS merasakan bahawa sebagai penduduk kampung tersebut mereka juga tidak diketepikan malah ada wakil bagi mereka menyuarakan pendapat.

ini mendesak supaya pihak JKKK membuat apa-apa keputusan hanya berasaskan kepentingan mereka sahaja. Kadang-kadang keadaan ini menyebabkan anggota-anggota JKKK terutama pengerusi tersepit dalam dua situasi yang bertentangan. Di sini timbul persoalan iaitu yang mana harus diutamakan sama ada kepentingan politik atau tanggungjawabnya untuk membantu membangun dan memajukan masyarakat.

Sekiranya dia lebih mementingkan tanggungjawabnya terhadap masyarakat, bermakna mereka (JKKK) mungkin kehilangan penyokong kerana kepentingan golongan tersebut tidak dipenuhi. Tetapi sebaliknya pula sekiranya ia lebih mengutamakan kepentingan politik dengan memberi perhatian kepada penyokong-penyokong UMNO, bermakna ahli-ahli JKKK telah mengabaikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka terhadap masyarakat kampung.

#### 4.5 PANDANGAN MASYARAKAT (RESPONDEN) TERHADAP KEPIMPINAN JKKK

Untuk mengetahui pandangan penduduk kampung terhadap kepimpinan JKKK, pengkaji telah bertemubual secara tidak formal dengan responden-responden. Dari temubual itu beberapa pandangan sama ada positif atau negatif telah diberikan.

Kebanyakan mereka melahirkan perasaan tidak puas hati dengan kepimpinan JKKK yang ada sekarang. Di antara pandangan-pandangan ter-

sebut ada yang mengatakan bahawa kepimpinan JKKK tidak berlaku adil dalam menjalankan tugas mereka. Ahli-ahli JKKK dikatakan lebih mementingkan kedudukan politik tanpa menghiraukan kebajikan penduduk kampung. Segala bantuan dan subsidi yang diberikan oleh kerajaan akan diagihkan kepada kaum keluarga atau penyokong-penyokong mereka sahaja. Misalnya bantuan pukut terhadap nelayan kecil yang sememangnya hidup dalam kesusahan. Bantuan ini diberikan cuma kepada orang tertentu sahaja. Orang yang di luar lingkungan ini walaupun benar-benar memerlukannya tidak diberikan. Terdapat satu kes di mana seorang individu yang sudah mendapat bantuan di satu ketika dulu, masih lagi menerima bantuan bila kerajaan memberi pukut tersebut sekali lagi.<sup>6</sup>

Terdapat juga responden yang secara terang-terang mendakwa bahawa anggota JKKK telah melakukan penyelewengan dengan mengambil sebanyak tertentu dari peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk sesuatu projek demi kesenangan mereka sendiri. Tuduhan ini terutamanya dilemparkan kepada pengerusi JKKK. Dikatakan bahawa rumah pengerusi JKKK yang ada sekarang adalah hasil daripada penyelewengan yang dilakukan itu. Penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan ini adalah melalui projek-projek tertentu seperti pembinaan dan pembaikan titi kayu. Peruntukan yang diberikan adalah melebihi daripada projek

---

<sup>6</sup> Kenyataan ini didapati dari temubual pengkaji dengan beberapa responden yang terdiri daripada nelayan kecil. Mereka ini tinggal di kawasan sesak di Kampung Kangkong (kanan).



yang telah siap.<sup>7</sup>

Di samping itu penduduk kampung ini juga meluahkan perasaan tidak puas hati kerana mereka tidak mengetahui atau diberitahu oleh JKKK tentang program-program yang dilaksanakan atau pun yang akan dilaksanakan. Dengan demikian mereka berpendapat bahawa mereka tidak perlu mengambil bahagian dalam segala aktiviti yang dianjurkan oleh kerajaan melalui JKKK dengan alasan sebagai penduduk kampung itu mereka terasa seolah-olah diketepikan apabila segala rancangan yang dilaksanakan tidak dihebahkan terlebih dahulu kepada mereka. Oleh yang demikian walaupun program-program yang dilaksanakan itu adalah untuk faedah masyarakat kampung tersebut tetapi mereka enggan melibatkan diri bagi menjayakannya.

Selain daripada itu masyarakat kampung ini juga menyuarakan bahawa mereka tidak pernah didedahkan atau diperkenalkan langsung dengan aktiviti dan bidang tugas JKKK. Apa yang mereka tahu hanya kewujudan organisasi tersebut di kampung itu, tetapi tidak pula mengetahui apakah peranan dan tugasnya yang sebenar. Mereka juga cuma mengenali beberapa orang anggota JKKK sahaja seperti Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.

---

<sup>7</sup> Kenyataan ini adalah hasil temubual pengkaji dengan salah seorang responden pada 10 April 1985. Didapati bahawa responden itu merupakan seorang penyokong kuat PAS.

Peranan tidak puas hati penduduk juga timbul akibat daripada cara perlantikan anggota JKKK. Mereka langsung tidak mengetahui siapakah calon-calon yang hendak dilantik. Sebaliknya mereka terpaksa menerima sahaja keputusan yang telah dibuat tanpa dapat memilih siapa yang difikirkan sesuai untuk menjadi pemimpin mereka. Sebenarnya cara perlantikan JKKK di kampung ini adalah melalui beberapa peringkat. Peringkat pertama nama-nama calon akan dikemukakan pada UMNO cawangan. Kemudian ia akan dihantar ke UMNO Bahagian. Setelah itu calon-calon yang difikirkan layak dilantik dengan mendapat sokongan dari wakil rakyat. Kemudian barulah Menteri Besar melantik secara rasmi dengan mendapat perakuan dari Pegawai Daerah.<sup>8</sup> Dengan demikian penduduk kampung tidak memainkan peranan langsung di dalam perlantikan JKKK.

Walau bagaimanapun di sebalik sungutan dan tuduhan dari golongan yang tidak berpuas hati dengan JKKK, terdapat juga golongan yang mempunyai pandangan yang positif terhadap kepimpinan JKKK. Bagi golongan ini mereka cuba sedaya upaya melibatkan diri dalam segala projek yang dianjurkan oleh kerajaan. Walaupun mereka mengakui terdapatnya beberapa kelemahan JKKK seperti kurang mendalami masalah penduduk kampung, tetapi mereka berpendapat bahawa kelemahan ini dapat di atasi dengan berbagai cara. Misalnya dengan cara mengadakan dialog dengan orang-orang kampung. Dengan ini segala masalah yang timbul dapat dikemukakan kepada JKKK untuk perhatian pihak atasan. Di samping itu mereka juga berpendapat bahawa seharusnya pihak JKKK tidak patut disalahkan seratus peratus dalam pem-

---

<sup>8</sup> Temubual dengan Pengerusi JKKK pada 28 Ogos 1986.

berian subsidi dan bantuan. Tuduhan yang mengatakan pihak JKKK mengutamakan penyokong UMNO adalah tidak berasas. Mereka berpendapat bahawa sepatutnya penduduk kampung turut melibatkan diri secara aktif di dalam segala program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan melalui JKKK. Dengan demikian barulah kemajuan dan pembangunan dapat dicapai.

MASALAH DAN KEBERKESANAN JKKK

5.1 HUBUNGAN JKKK DENGAN PIHAK ATASAN

Sebagai organisasi yang menjadi perantaraan di antara pihak kerajaan dan rakyat bawahan, JKKK tidak dapat mengelak daripada menghadapi berbagai masalah dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Organisasi JKKK terpaksa membuat perhubungan secara dua hala iaitu di satu pihak dengan kerajaan sementara di pihak yang lain pula dengan rakyat atau komuniti kampung. Perhubungan ini pula seharusnya dijalinan sebaik mungkin agar segala tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa dalam menyempurnakan tugas-tugas serta usaha-usaha untuk memuaskan hati pihak rakyat yang meletakkan harapan sepenuhnya kepada pihak JKKK sebagai pemimpin mereka, kesulitan-kesulitan yang timbul itu sedikit sebanyak telah menjejaskan usaha-usaha pembangunan itu sendiri. Kesulitan yang dihadapi timbul bukan sekadar dari pihak bawahan iaitu rakyat sendiri dalam bentuk tiadanya kerjasama serta kurangnya sambutan terhadap program-program yang dilaksanakan, malahan terbit juga dari pihak atasan yakni agensi-agensi tertentu yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk membantu memajukan rakyat.

Keberkesanan kepimpinan JKKK secara langsung adalah berhubungan dengan masalah-masalah yang dihadapinya. Seandainya banyak masalah yang dihadapi, maka darjah keberkesanan JKKK akan berkurangan. Dengan demikian, ini akan memberi kesan yang kurang memuaskan terhadap pembangunan negara.

JKKK bukan sahaja terpaksa menjalinkan hubungan dengan masyarakat kampung, tetapi juga dari pihak atasan terutamanya agensi-agensi kerajaan. Seperti yang diketahui umum bahawa agensi-agensi kerajaan merupakan jentera negara yang bergerak untuk melaksanakan projek-projek pembangunan negara. Dalam menjalankan peranan-peranannya agensi-agensi tersebut perlu mendapat kerjasama daripada semua pihak terutamanya rakyat. Dengan demikian dapatlah agensi-agensi ini memahami dengan lebih mendalam segala kehendak dan kesulitan yang dialami oleh rakyat. Di sini peranan JKKK ialah sebagai badan bertindak dan badan penghubung antara jabatan kerajaan dengan orang ramai untuk mendapatkan panduan dan nasihat.

Melalui agensi-agensi ini pihak kerajaan akan menyalurkan segala bentuk kemudahan untuk kemajuan sesebuah kampung itu. Pegawai daripada agensi-agensi tertentu seperti Jabatan Pertanian, MADA,<sup>1</sup> Jabatan Parit dan Taliair dan lain-lain lagi dikehendaki berhubung dengan masyarakat kampung untuk mengetahui kesulitan serta masalah yang mereka hadapi. Misalnya pegawai dari pihak MADA dan Jabatan Pertanian perlu melawat

---

<sup>1</sup> Muda Agriculture Development Authority.

kampung tersebut untuk memberi tunjuk-ajar tentang penggunaan baja atau memperkenalkan cara-cara yang lebih moden dan 'sophisticated' dalam penanaman padi serta juga tanaman-tanaman lain.

Adakalanya padi diserang penyakit, maka pihak MADA cuba menolong sedaya upaya untuk mengurangkan bebanan petani-petani tersebut. Lawatan-lawatan ini perlu diatur dari masa ke semasa dan orang yang seharusnya bertanggungjawab terhadap perkara ini ialah pihak JKKK. Sebagai badan penghubung seharusnya pihak JKKK sentiasa berhubung dengan pegawai-pegawai dan agensi-agensi tertentu bagi pihak masyarakat kampung supaya segala masalah-masalah dapat di atasi.

Dari temubual dengan pengerusi JKKK didapati hanya sekali dua sahaja pegawai-pegawai tersebut datang ke kampung itu memberi ceramah iaitu ketika mesyuarat diadakan. Sebagai contoh pegawai dari Jabatan Parit dan Taliair yang datang memberi ceramah tentang cara-cara yang lebih berkesan mengenai penggunaan taliair yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Begitu juga dengan pihak MADA yang bertanggungjawab menyediakan jadual penanaman padi bagi seluruh kawasan yang di bawah kelolaannya.<sup>2</sup> Jadual-jadual ini harus diikuti oleh semua

---

<sup>2</sup> Walau bagaimanapun terdapat juga segelintir petani yang enggan mengikut nasihat pihak MADA. Mereka menjalankan kerja-kerja tanpa mengikut nasihat MADA. Kadang-kadang semasa pihak MADA melepaskan air untuk mengairi kawasan sawah padi yang lain, didapati padi mereka hampir masak. Ini boleh mengakibatkan kerugian kerana padi yang hampir masak tidak memerlukan air lagi.

petani agar sistem penanaman padi dua kali setahun dapat berjalan lancar. Di samping itu ia juga memudahkan lagi petani-petani di keempat-empat kampung itu mendapatkan bekalan air untuk penanaman padi mereka.

Kunjungan pegawai-pegawai ini yang hanya sekali-sekala menyebabkan timbulnya beberapa masalah kepada penduduk kampung tersebut kerana mereka perlukan khidmat nasihat dari masa ke semasa. Jadi dengan demikian memaksa petani-petani dari kawasan ini pergi berjumpa sendiri dengan pegawai-pegawai berkenaan untuk menolong menyelesaikan masalah pertanian mereka. Kadang-kadang semasa mereka pergi ke pejabat-pejabat tersebut, mereka tidak dapat bertemu dengan pegawai-pegawai berkenaan. Hal ini menyebabkan mereka terpaksa berulang-alik ke pejabat-pejabat tersebut beberapa kali. Jadi dalam perkara ini seharusnya pihak JKKK bertindak menghubungi pegawai-pegawai berkenaan dan menjemput mereka datang ke kampung itu untuk memberi ceramah tentang masalah-masalah yang berkaitan dengan pertanian.

Sementara itu dari pemerhatian pengkaji dapat dikesan bahawa tidak wujud satu hubungan yang benar-benar rapat di antara JKKK dengan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. Ini kerana kebanyakan hal-hal yang bersangkutan dengan pejabat-pejabat tersebut seperti pembahagian tanah atau pembahagian harta adalah dirujuk kepada penghulu mukim tersebut tanpa melalui JKKK. Kemudian penghulu akan cuba membantu mereka dengan

mengemukakannya kepada pejabat tersebut. Dengan demikian didapati bahawa penghulu lebih kenal rapat dengan pengawai-pegawai dari pejabat-pejabat tersebut.

Hubungan JKKK dengan wakil rakyat pula boleh dikatakan baik. Ini memandangkan bahawa pengerusi JKKK merupakan salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kuala Kedah. Oleh yang demikian koordinasi kepimpinan di antara pihak atasan (wakil rakyat) dengan JKKK khususnya pengerusi adalah baik. Tegasnya dapat dilihat wujud pola kepimpinan di mana ada hubungan rapat di antara wakil rakyat dengan JKKK. Hubungan ini mungkin menjadi satu keperluan bagi pihak pengerusi JKKK, kerana dengan adanya hubungan ini beliau akan dapat mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian. Walaupun hubungan tersebut baik tetapi didapati bahawa kedua-dua Wakil Rakyat sama ada Wakil Parlimen atau Wakil Dewan Undangan Negeri jarang membuat lawatan ke kampung tersebut untuk melihat sendiri pembangunan dan masalah rakyat.

## 5.2 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JKKK

Masalah utama yang dihadapi oleh JKKK ialah ketika menjalankan hubungan dengan masyarakat kampung. Didapati bahawa penduduk kampung ini tahu akan kewujudan organisasi JKKK tetapi apa yang menyedihkan ialah mereka tidak mengetahui dengan jelas akan tugas-tugas dan tanggungjawab sebenar JKKK dan kenapa ia ditubuhkan. Rata-rata daripada mereka



mempunyai tanggapan yang salah terhadap JKKK. JKKK dikatakan sebagai wakil parti UMNO bukannya sebagai agen pembangunan atau badan penghubung antara rakyat dan kerajaan. Akibat daripada tanggapan ini disertai oleh pembakaran semangat di kalangan penyokong-penyokong PAS, maka mereka menjadi terlalu emosional terhadap beberapa perkara termasuk juga usaha usaha pembangunan yang dilakukan.. Mereka langsung tidak mahu bekerjasama atau cuba merebut peluang-peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan. Pengerusi JKKK sendiri tidak dapat berbuat apa-apa dalam hal ini, mahu tidak mahu beliau terpaksa menghulurkan juga bantuan-bantuan seperti tandas curah, lembu dan sebagainya kepada penyokong-penyokong UMNO yang sedia memberi kerjasama. Akibat dari sini JKKK dikatakan pilih kasih dengan hanya mementingkan penyokong UMNO sahaja.

Di samping itu dapat dikesan juga di kampung ini 'pemusuhan secara damai' di antara satu kumpulan kecil di kalangan penyokong UMNO dengan ketua mereka sendiri. Walaupun perkara ini tidak ketara atau tidak terlalu serius tetapi bagi pengkaji ia boleh mendatangkan kesan yang negatif terhadap perpaduan penduduk kampung tersebut. Kumpulan tersebut cuba menonjolkan ketua mereka. Dari temubual dengan beberapa penduduk daripada kumpulan tersebut, pengkaji dapati mereka tidak berpuas hati dengan JKKK yang ada sekarang. Begitu juga mereka kurang senang dengan cara perlantikan anggota JKKK yang dikatakan tidak setahu mereka . Mereka cuba menjatuhkan pengerusi yang ada sekarang dan cuba menggantikannya dengan orang lain. Walau bagaimanapun bila ditanya

siapa yang mereka rasa layak untuk menggantikan pengerusi yang ada sekarang masing-masing tidak mahu memberi jawapan.

Walaupun bagaimanapun pengerusi JKKK menyedari hakikat ini dan beliau cuba memperbaiki keadaan tersebut. Beliau juga kesal dengan keadaan ini yang akan merosakkan perpaduan penduduk kampung tersebut. Beliau dan anggota JKKK yang lain juga tidak menafikan bahawa hubungan sosial di antara penduduk kampung ini adalah baik terutama dari segi soal-soal kenduri atau kematian. Begitu juga walaupun pertentangan politik mereka amat kuat, tetapi tidak pula berlaku kes sembarang dua imam seperti yang terjadi di negeri-negeri pantai timur. Walaupun kes seperti ini pernah terjadi di kampung ini suatu ketika dulu tetapi kini masyarakat kampung tersebut telah mula menyedari bahawa fahaman politik tidak semestinya dicampur-aduk dengan soal-soal agama.

Selain daripada itu masalah yang wujud dalam kepimpinan JKKK kampung ini ialah dari segi pentadbirannya yang merangkumi empat buah kampung. Walaupun dilantik wakil dari keempat-empat buah kampung itu bagi menduduki senarai JKKK tetapi didapati nisbahnya adalah tidak sama. Misalnya terdapat seramai empat orang wakil daripada Kampung Pematang Kangkong. Jumlah ini termasuk pengerusi sendiri, lima orang dari Kampung Kuala Kangkong, empat orang dari Kampung Sala Kecil dan cuma dua orang sahaja daripada Kampung Alor Pulai. Keadaan ini ditambah lagi dengan kedudukan Kampung Alor Pulai yang agak jauh terpisah daripada

ketiga-tiga kampung lain yang terletak berderetan.

Masalah lain yang wujud ialah ketiadaan satu tempat yang boleh dijadikan tempat tumpuan penduduk, maka sebarang masalah atau cadangan penduduk berhubung dengan satu-satu perkara tidak dapat dikesan oleh pihak JKKK. Oleh itu sebarang perancangan untuk sesuatu program yang hendak dilaksanakan oleh JKKK adalah tidak berdasarkan hasrat sebenar penduduk kampung.

Di kampung ini tidak terdapat kemudahan seperti Dewan Orang ramai tetapi kini ia (dewan orang ramai) sedang dalam pembinaan dan terletak di kampung Alor Pulai. Walau bagaimanapun mesyuarat JKKK yang diadakan sebelum ini adalah bertempat di Sekolah Kebangsaan Kangkong. Akibat ketiadaan tempat yang sesuai untuk menjalankan kegiatan, maka JKKK kampung ini tidak begitu aktif. Ini terbukti dari temubual dengan pengerusi JKKK yang mengatakan bahawa mesyuarat cuma diadakan bila ada perkara penting yang perlu dibincangkan. Dari pemerhatian pengkaji dapatlah dirumuskan bahawa segala perancangan atau program yang dibuat adalah mengikut budi-bicara pengerusi sendiri dan beberapa orang ahli JKKK yang lain.

### 5.3 KEBERKESANAN KEPIMPINAN JKJK

Sebagaimana yang diuraikan di atas, tentang masalah yang dihadapi oleh pihak JKJK, didapati bahawa masalah yang dianggap paling serius ialah dalam soal menjalinkan perhubungan dengan masyarakat kampung tersebut. Sebenarnya hal ini adalah berkaitan dengan fahaman politik masing-masing. Sehubungan dengan ini terdapatnya tuduhan-tuduhan yang selalunya dikaitkan dengan peribadi anggota-anggota JKJK.

Dari segi infrastruktur, kewujudannya di kampung ini boleh dikatakan agak memuaskan. Terdapatnya jalan berturap sejauh 3 kilometer di kampung ini di samping jalan tanah merah yang boleh menghubungkan kampung ini dengan Mukim Sala Kecil. Bagi kemudahan pelajaran terdapat sebuah sekolah kebangsaan. Begitu juga untuk kemudahan kesihatan disediakan klinik kerajaan. Terdapat sebuah masjid untuk penduduk mengerjakan sembahyang serta menjalankan lain-lain kegiatan yang bersangkutan dengan agama. Tetapi hal ini semua tidak semestinya menunjukkan bahawa kepimpinan JKJK berkesan dan berjaya membawa perubahan dan kemajuan di kampung tersebut. Ini kerana kemajuan sesebuah kampung itu tidak semestinya dibayangkan oleh kemajuan fizikal sahaja, tetapi juga berkisar kepada soal-soal kerohanian.

Dari segi kegiatan dan usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh pihak JKJK kampung ini, kebanyakan adalah tertumpu kepada projek

penyediaan atau pembinaan kemudahan asas seperti Dewan orang ramai, memperbaiki dan membina titi kayu dan juga 'bangsal kenduri'. Walau bagaimanapun projek-projek yang dapat mengeratkan hubungan serta perpaduan masyarakat kampung seperti gotong-royong jarang sekali diadakan.

Dari pemerhatian pengkaji, JKKK yang ada sekarang tidak dapat memainkan peranan sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan. Begitu juga ia tidak berkesan jika dibandingkan dengan kegiatan-kegiatan yang dilakukan. Ditelitikan dari tujuan asas penubuhan organisasi ini, jelas didapati bahawa JKKK ditugaskan untuk menjadi badan penggerak di peringkat kampung untuk mengatasi empat jenis masalah masyarakat iaitu masalah kemiskinan, kurang kesihatan, buta huruf dan sikap tidak apamasyarakat,<sup>1</sup> namun sehubungan dengan kepimpinan JKKK kampung ini, ia tidak begitu banyak memberi sumbangan ke arah mencapai matlamat tersebut. Mereka tidak memperlihatkan sifat-sifat sebenar organisasi perantaraan di antara kerajaan dengan rakyat (up-bottom) atau antara rakyat dengan kerajaan (bottom-up). Apa yang ketara mereka lebih berfungsi sebagai perantaraan dari pihak kerajaan kepada rakyat daripada perantaraan bagi pihak masyarakat luar bandar kepada pemerintah. Dengan lain perkataan mereka bertindak sebagai agen penyalur bantuan semata-mata.

Di samping penglibatan pemimpin-pemimpin dengan masyarakat kampung, JKKK sendiri adalah penting dalam mengenal pasti segala masalah dan kesulitan mereka. Dengan penglibatan ini dapat diwujudkan hubungan

1

Dipetik daripada Latihan Ilmiah Hashim Suboh, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1982/83.

yang lebih erat lagi (face to face) di antara pihak pemimpin (JKKK) dengan masyarakat kampung. Dengan ini tidak akan wujud satu tembok pemisah di antara pihak JKKK dengan masyarakat kampung tersebut. Penduduk lebih mudah mengemukakan segala masalah mereka kepada pihak JKKK. Seelok-eloknya diadakan dialog di antara JKKK dan penduduk kampung. Dari sini masalah-masalah yang dikenal pasti boleh diselesaikan bersama atau kalau tidak, boleh dikemukakan pada perhatian pihak yang bertanggungjawab dengan segera.

Tetapi hakikat sebenarnya segala keputusan mengenai kegiatan-kegiatan atau aktiviti yang dijalankan lebih berdasarkan kepada pertimbangan pemimpin JKKK sendiri tanpa menghiraukan kehendak sebenar masyarakat. Akibat daripada pertimbangan yang tidak berasaskan kehendak masyarakat kampung, maka timbul perasaan tidak puas hati terhadap kepimpinan JKKK, yang mana ini telah memberi kesan yang tidak baik terutamanya terhadap tingkat sokongan masyarakat bagi setiap projek yang diusahakan oleh JKKK.

Kekurangan komitmen di kalangan anggota JKKK terhadap rakyat yang dipimpin juga mengurangkan keberkesanan organisasi tersebut. Kebanyakannya lebih suka menyandang jawatan di dalam organisasi tersebut, tetapi tidak mahu berusaha bersungguh-sungguh untuk kemajuan kampung serta masyarakatnya. Kebanyakan tugas adalah tertumpu hanya pada dua atau tiga orang sahaja.<sup>2</sup> Selain daripada itu menurut salah

---

<sup>2</sup> Pengerusi juga kadang-kadang terpaksa bertindak sebagai setiausaha.

seorang anggota JKKK, apabila mesyuarat diadakan, kadang-kadang tidak semua ahli-ahli JKKK itu menghadirkan diri. Jadi sebarang perundingan yang diadakan tidak dapat disampaikan kepada orang kampung. Dengan demikian penduduk kampung ini tidak mendapat maklumat-maklumat yang kemas kini mengenai sebarang usaha pembangunan.

Terdapat juga anggota-anggota yang dilantik itu tidak memahami tentang tugas-tugas, peranan dan tanggungjawab JKKK sebenarnya terhadap masyarakat kampung serta fungsi organisasi tersebut sebagai agen pembangunan peringkat bawahan. Jadi dari sini tidak hairanlah sekiranya hampir keseluruhan penduduk kampung ini tidak menyedari tentang kepentingan tersebut.

Semasa perlantikan anggota JKKK mereka tidak diberi peluang memilih wakil mereka sendiri, tetapi apa yang berlaku ialah nama orang-orang tertentu dihantar ke UMNO Cawangan dan kemudiannya ke peringkat Bahagian. Jadi mereka langsung tidak mengetahui siapa yang akan menjadi wakil mereka sehinggalah nama-nama tersebut diumumkan. Di samping itu mereka juga tidak tahu kesemua orang yang menduduki senarai JKKK. Apa yang mereka tahu cuma siapa yang menjadi Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sahaja.

Tegasnya di sini JKKK yang ada sekarang ini tidak dapat memainkan peranannya sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan. Darjah

keberkesanan kepimpinan JKKK kampung ini masih berada di tahap yang tidak memuaskan. Sebab utamanya ialah tiadanya kerjasama yang cukup oleh pihak tertentu sama ada dari pihak kerajaan atau pihak rakyat. Untuk membolehkan sesuatu organisasi berjaya peringkat pertamanya mereka mesti mengenal pasti kehendak-kehendak dan masalah-masalah untuk pengamatan pihak-pihak tertentu yang terlibat dan seterusnya menyelesaikan kehendak rakyat itu menerusi JKKK. Peranan yang perlu dimainkan oleh JKKK ialah untuk memastikan bahawa segala kemudahan atau bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan akan sampai serta dapat digunakan oleh rakyat secara optimum bagi kepentingan pembangunan.

Dalam hal ini apa yang berlaku ialah pihak JKKK sendiri tidak dapat mengenal pasti apakah hasrat, kehendak serta masalah penduduk kampung tersebut untuk dibawa ke peringkat atasan bagi tindakan selanjutnya. Di sini dapat dilihat dengan jelas betapa pentingnya organisasi JKKK dalam proses mewujudkan hubungan yang erat antara dua pihak yang berlainan,

Dalam hal ini apa-apa masalah atau maklumat yang disampaikan kepada Pejabat Daerah akan dibincangkan di Majlis Tindakan Daerah, kemudiannya diikuti oleh Majlis Tindakan Negeri di mana hal-hal itu akan dibincangkan dengan lebih teliti dan cadangan-cadangan akan dikemukakan kepada Bahagian Penyelarasan dan Pembangunan untuk diajukan kepada Majlis Tindakan Negara. Di sini keputusan dibuat akhirnya sama ada bantuan-bantuan akan dibekalkan kepada rakyat menerusi agensi ter-



tentu atau tidak. Di sini nyatalah bahawa hubungan dari atas ke bawah dan dari bawah ke atas adalah penting bagi memastikan pembangunan berjalan lancar dan dapat memenuhi kehendak rakyat.

University of Malaya

## BAB VI

### KESIMPULAN

Malaysia adalah sebuah negara pertanian. Kira-kira 71% daripada penduduknya tinggal di kawasan luar bandar. Sebilangan besar orang-orang di sektor pertanian adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Begitu juga di bandar, pada keseluruhannya taraf perindustrian adalah rendah. Kegiatan utama perindustrian seperti industri pembuatan, sebahagian besarnya adalah dimiliki oleh pemodal asing yang bekerja erat dengan pemodal tempatan.

Keadaan yang wujud di Malaysia sekarang telah banyak mengalami perubahan dan perkembangan yang diakibatkan dari sejarah ekonominya, iaitu sejarah kolonialisme yang telah dinadikan oleh sistem ekonomi kapitalis. Pendek kata segala masalah yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia kini adalah disebabkan oleh proses pensejarahan itu. Kerajaan Malaysia amat menyedari hakikat tersebut dan cuba mengatur strategi-strategi yang berkesan untuk membantu memulihkan keadaan yang menyedihkan itu.

Sejarah perancangan pembangunan di Malaysia telah bermula sejak tahun 1957 lagi. Sebelum itu Malaya terkenal dengan kekayaannya dari segi sumber alam seperti timah dan getah yang mana telah membuat pihak kolonial merebut peluang untuk membolot sebahagian besar daripada hasil-hasil tersebut. Kebanyakan kekayaan ini terlepas ke tangan pemodal-pemodal asing seperti Britain, Amerika Syarikat dan Jepun. Yang selebihnya dikuasai pula oleh golongan kapitalis dan fuedal tempatan.

Apabila sistem ekonomi kapitalis diperkenalkan ia telah menimbulkan beberapa kesan jangka panjang terhadap masyarakat tempatan. Di antaranya, ia menyebabkan sistem ekonomi fuedal pertanian semakin lama semakin pupus. Ia juga telah menyebabkan berlakunya perubahan-perubahan pokok terhadap struktur masyarakat ketika itu. Perubahan ini kemudiannya telah menjadi punca kepada berbagai masalah yang dihadapi oleh majoriti rakyat, terutamanya masalah pembangunan ekonomi yang tidak seimbang. Ekoran dari keadaan inilah maka kerajaan telah melancarkan beberapa rancangan pembangunan dengan tujuan untuk membantu rakyat memulihkan keadaan yang mereka hadapi kini.

Sebenarnya rancangan pembangunan yang mula-mula sekali dilaksanakan ialah sebelum terbentuknya Malaysia, iaitu pada 1956-1960 yang dikenali sebagai Rancangan Malaya I. Rancangan Pembangunan ini adalah dengan kerjasama pihak kolonial dan pemimpin tempatan yang terpilih dalam pilihanraya 1955. Sudah tentulah pihak kolonial yang menjadi penasihat itu memberi penekanan untuk kepentingan mereka. Antara tujuan-tujuannya adalah untuk mempertingkatkan mutu pengeluaran getah, mempermodenkan industri perlombongan, menentukan dasar-dasar tanah yang sesuai serta mengembangkan perkhidmatan sosial dan kemudahan prasarana.

Begitu juga apa yang berlaku di dalam Rancangan Pembangunan Kedua (Rancangan Malaya Kedua) di mana tujuan-tujuan asalnya dikekalkan; tetapi timbul pula tujuan-tujuan baru seperti usaha untuk mempelbagaikan ekonomi

dan menyelesaikan masalah pengangguran. Dari sini nyata lagi bahawa pelaksanaan rancangan pembangunan ini masih memenuhi kepentingan ekonomi British. Namun kerajaan mula sedar akan bahaya dari kesan penjajahan yang telah menimbulkan masalah pengangguran, kekurangan tanah serta pergantungan pada getah dan bijih timah.

Lantaran itu wujud langkah-langkah yang lebih drastik untuk membentaras masalah ini. Berikutannya pula dilancarkan Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970) dengan persambungan dari matlamat-matlamat seperti tertera dalam Rancangan Malaya Kedua. Tetapi terselit pula beberapa matlamat baru seperti mewujudkan perpaduan kaum dan penerokaan tanah baru.

Kemudiannya teroetus peristiwa 13 Mei 1969 yang dikatakan berpunca dari keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara orang Melayu dan bukan Melayu, terutama yang tinggal di luar bandar. Ekoran daripada ini terlaksana pula Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975) yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah perbezaan ekonomi antara sektor dan kaum. Dari sini diharap perpaduan nasional dapat dicapai. Seterusnya wujud pula Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang terkenal dengan matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Begitu juga dengan Rancangan Malaysia Ketiga (1975-1980) dan Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Boleh dikatakan matlamat tersebut sentiasa ditekankan dari masa ke semasa oleh kerajaan dalam men-

capai matlamat 30% penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi. Ter-  
bukti bahawa strategi-strategi untuk membasmi kemiskinan dan menyusun  
semula masyarakat tidak banyak berbeza dari tujuan pembangunan sebelum-  
nya. Kerana ia bertujuan untuk menyelesaikan masalah pengangguran,  
mengawal pertumbuhan penduduk, meluaskan perusahaan pembuatan, memper-  
modenkan sektor pertanian dan sebagainya.

Untuk mendekati masalah rakyat demi menjayakan strategi-strategi  
pembangunan; usaha yang lebih berkesan telah diambil oleh pihak kerajaan.  
Rancangan-rancangan seperti pembangunan masyarakat difikirkan amat ber-  
faedah untuk mengenal pasti segala kesulitan yang mencengkam masyarakat  
luar bandar. Kesemua halangan-halangan ini perlu di atasi untuk mem-  
bolehkan rakyat terutama orang Melayu bergerak maju bersaing dengan  
kaum lain.

Di antaranya ialah dengan mengadakan kempen untuk menyedarkan  
rakyat. Kempen Gerakan Maju yang dilancarkan pada tahun 1966 adalah  
bertujuan untuk melibatkan masyarakat luar bandar dalam proses pem-  
bangunan. Yang dititik beratkan ialah tindakan secara berkelompok.  
Program-program tertentu dilancarkan seperti mengadakan pertandingan  
'kampung contoh', pertandingan dalam mengeluarkan hasil pertanian dan  
lain-lain lagi. Pada masa itu juga konsep bergotong-royong telah di-  
perluaskan. Begitu juga dengan kempen 'gerakan pembaharuan' yang ber-  
tujuan untuk menggerakkan masyarakat luar bandar supaya ingin maju

dan mahukan peninggian taraf hidup dan seterusnya dapat mengatasi keadaan kemiskinan desa.

Rancangan pembangunan masyarakat yang dilancarkan itu sebenarnya adalah untuk menggalakkan penyertaan aktif dari rakyat. Dengan demikian, ini akan melahirkan masyarakat yang mempunyai inisiatif sendiri, sanggup berdikari dan kesanggupan berfikir serta bertindak untuk kepentingan mereka. Penyertaan dan dorongan untuk mereka mencurahkan diri dalam pembangunan kerap kali tidak tercapai sekiranya wakil yang dilantik bukan terdiri dari golongan mereka sendiri. Wakil-wakil masyarakat dari kumpulan atau lapisan menengah/atasan belum tentu dapat mendalami masalah rakyat bawahan, kerana sudah tentu mereka mempunyai nilai-nilai yang bertentangan.

Dengan demikian penubuhan JKKK sebagai agen yang diharap dapat membawa perubahan kepada rakyat adalah satu langkah yang bijak. Tubuhnyanya organisasi tersebut, diharap akan dapat membantu pihak kerajaan untuk mencapai segala hasrat yang termaktub dalam rancangan-rancangan pembangunan.

JKKK adalah organisasi yang dianggap penting bagi masyarakat kampung dan juga bagi kerajaan. Ini memandangkan fungsi utamanya sebagai badan penghubung antara kerajaan dan rakyat, sebagai badan bertindak terhadap apa-apa masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung serta menjadi badan penyalur segala bantuan kepada masyarakat. Kesemua ini

adalah dengan tujuan untuk mengubah kehidupan dan cara berfikir masyarakat kampung.

Hakikatnya semua penduduk kampung mahukan perubahan dan kemajuan. Tetapi ini terpulang pula kepada golongan pemimpin iaitu para pentadbir dan golongan bijak pandai untuk memimpin mereka ke arah perkembangan tersebut. Dengan demikian seharusnya pihak atasan dan cerdik pandai memberi penumpuan yang sewajarnya pada organisasi JKKK yang telah digunakan sebagai agen pembangunan. Perlantikan orang-orang yang hendak menduduki organisasi JKKK seharusnya diperhitungkan dengan lebih teliti. Kita tidak mahu nanti kerajaan kita bersungguh-sungguh cuba membangunkan rakyat, tetapi sebaliknya saluran yang digunakan untuk melaksanakan program-program pembangunan adalah tidak efisien. Rakyat di bawah terus menderita dan kesannya timbul perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan.

Pihak tertentu yang terlibat dalam strategi pembangunan seharusnya bersungguh-sungguh meningkatkan kekesan rancangan mereka. Misalnya perbadanan-perbadanan seperti MARA, FELDA, RISDA dan lain-lain patut berusaha supaya mengemaskan lagi jentera pelaksanaan agar taraf kematangan dan keefisienan yang tinggi dapat dicapai. Dengan demikian barulah matlamat DEB dapat dicapai.

Kajian di Kampung Kangkong; JKKK dan Pembangunan Peringkat Bawah membuktikan bahawa sesungguhnya strategi-strategi pembangunan

yang dirancang oleh kerajaan belum lagi mencapai matlamat seperti yang diharapkan. Walau bagaimanapun didapati bahawa organisasi JKKK merupakan satu bentuk organisasi yang popular di kalangan rakyat untuk menyampaikan segala hasrat dan masalah mereka. Kegagalan untuk mencapai matlamat-matlamat ini adalah kerana beberapa hal yang bertentangan dengan konsep pembangunan masyarakat. Konsep ini menekankan penyatuan usaha-usaha rakyat dengan usaha kerajaan untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi, kebudayaan dan politik seluruh masyarakat.

Organisasi JKKK juga telah gagal untuk berfungsi dengan baik sebagaimana yang ditegaskan dalam Panduan Arahan No. 3, Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kegagalan ini mungkin disebabkan oleh berbagai faktor yang mana telah menjadi penghalang kepada pencapaian matlamat pembangunan.

Satu hal yang nyata ialah kelemahan yang terdapat dalam diri anggota JKKK sendiri. Penyelewengan yang dilakukan adalah disedari oleh penduduk kampung. Ini menimbulkan satu pandangan serong terhadap JKKK. Dengan sikap begini juga membuatkan masyarakat tidak menaruh kepercayaan lagi kepada pemimpin mereka. Sebagai masyarakat yang inginkan kemajuan, mereka tidak suka pada penyelewengan yang berlaku, walaupun kesalahan itu cuma sekali sahaja.



Kelemahan yang ada pada pemimpin-pemimpin ini mungkin diakibatkan oleh latarbelakang pendidikan mereka yang rendah. Latarbelakang pendidikan juga boleh mempengaruhi sikap, cara berfikir dan cara bertindak pihak JKKK.

Selain daripada itu kegagalan pihak JKKK Kampung Kangkong untuk membawa kemajuan dan memperbaiki taraf sosio-ekonomi masyarakat kampung itu adalah disebabkan kesedaran politik yang jelas di kalangan penduduk di situ. Di samping itu sikap berpolitik JKKK sendiri juga agak ketara. Mereka (JKKK) lebih pentingkan kedudukan politik mereka. Kedudukan mereka di dalam JKKK dianggap sebagai medan bagi memperkukuhkan pengaruh politik mereka. Akibatnya mereka lupa pada tanggungjawab asal mereka.

Sikap ini seharusnya tidak wujud pada anggota JKKK kerana sebagai pemimpin mereka tidak semestinya mempunyai perasaan 'bias' terhadap penduduk kampung. Seharusnya mereka berlaku adil dalam segala hal termasuk ketika memberi bantuan dan subsidi. Jangan pula disebabkan kepentingan politik mereka sanggup mengabaikan tanggungjawab mereka. JKKK seharusnya jangan mencampurkan hal-hal politik dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Dengan ini barulah rakyat dapat memberi sokongan yang sepenuhnya terhadap usaha-usaha pembangunan yang disalurkan melalui JKKK.

Di samping itu JKKK juga seharusnya mendekati masalah penduduk kampung secara lebih praktikal. Segala kesulitan dan masalah yang dikemukakan seharusnya diambil tindakan segera. Dengan ini masyarakat akan lebih percaya kepada keupayaan mereka untuk memimpin.

Sikap JKKK seperti yang dihuraikan tadi memberi kesan secara langsung kepada penyertaan penduduk kampung ini dalam projek-projek pembangunan. Akibat daripada hilang kepercayaan kepada JKKK, masyarakat enggan mengambil bahagian dalam program yang dilancarkan. Sikap ini timbul akibat daripada fahaman politik penduduk kampung ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa segala peruntukan projek itu datang dari pihak kerajaan (UMNO) tetapi ianya bukanlah hanya untuk penyokong parti UMNO sahaja malahan untuk keseluruhan rakyat.

Keengganan mereka melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan negara amatlah merugikan mereka sendiri. Peluang-peluang yang terbuka harus direbut. Dengan demikian barulah matlamat strategi pembangunan dapat dicapai. Seharusnya penduduk kampung ini mempunyai sikap dan fikiran yang lebih terbuka terhadap organisasi JKKK. Di samping itu, mereka harus bersikap lebih berani sekiranya terdapat kesalahan dan penyelewengan yang dilakukan. Dengan demikian mungkin kesalahan-kesalahan lalu yang dilakukan oleh pihak JKKK dapat diperbaiki. Kerjasama antara kedua pihak ini akan melahirkan masyarakat yang dinamis dan progresif. Janganlah kerana pertentangan politik, maka masyarakat kampung berpecah-

belah dan kehidupan kampung yang harmoni turut terjejas.

Dalam hal penyertaan rakyat ini, yang paling penting sekali ialah konsep gotong-royong iaitu salah satu konsep yang memainkan peranan penting dalam kehidupan orang Melayu. Konsep ini jugalah yang menjadi teras kepada rancangan pembangunan komuniti. Sebenarnya kegiatan gotong-royong ini tidak lagi diamalkan dalam projek-projek pembangunan yang dikehendaki oleh JKKK kerana konsep bergotong-royong sekarang ini telah bertukar kepada konsep upah. Begitu juga seperti yang berlaku di kampung ini, kebanyakan projek seperti memperbaiki titi dan mengecat madrasah telah dilakukan secara upah. Jadi semangat gotong-royong ini telah dicemarkan oleh keperluan wang.

Di samping itu konsep gotong-royong kadang-kadang tidak dapat diaplikasikan sekiranya sesuatu projek itu memerlukan kemahiran dan teknologi yang tinggi serta alat binaan yang moden dan mahal. Ini sudah tentu tidak dapat dilakukan oleh orang kampung.

Jentera pentadbiran di peringkat atasan juga perlu memainkan peranan yang penting. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Abdullah Ahmad Sanusi (1980) didapati bahawa banyak kelemahan dalam jentera pentadbiran di peringkat Daerah. Ramai Pegawai Daerah dan penolongnya tidak faham apakah objektif pentadbiran daerah. Dari segi kemampuan pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk menjalankan unit pentadbiran bawahan ini kebanyakannya kurang pengalaman dalam membuat pekerjaan.

Dari segi pengetahuan, ramai juga pegawai yang tidak mendapat latihan yang sesuai bagi meninggikan kecekapan mereka untuk menjalankan tugas-tugas pembangunan.

Tegasnya dapatlah dikatakan dengan wujudnya JKKK di kampung-kampung, banyak kebaikan boleh didapati. Sekiranya anggota JKKK benar-benar mengikuti matlamat penubuhan, maka memang tidak dapat dinafikan kehidupan masyarakat luar bandar dapat diperbaiki. Kehendak masyarakat dapat disuarakan dan pandangan serta pendapat pemimpin-pemimpin peringkat kampung dapat diambil kira dan akhirnya matlamat-matlamat pembangunan dapat dicapai.

BIBLIOGRAFI

Teks

- Abdullah Sanusi Ahmad, Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.
- Abdul Shukur Ariffin dan Hassan Hj. Ali, 'Pergolakan Dasar Ekonomi Negara sebelum dan selepas 1969, dalam Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan, United Selangor Press Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1982.
- Ball, A.R., Modern Politics and Government, Mc Millan Press Limited, London, 1971.
- Buku Rasmi Tahunan Malaysia, 1984, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur 1984.
- Frank, A.G., The Development of Underdevelopment in J. Cockroff, Frank A.G, and Johnson D. (others), Dependence and Underdevelopment, New York, 1972.
- Griffin K.B. and Enos J.L., Planning Development, Addison Wesley Publishing Company, London, 1970.
- Havens, A.E., 'Methodological Issues In The Study of Development, in Sociologic Ruralis, Vol. 12, 1972.
- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, 1978.
- Mehden, Fred. R. Vonder, Politik Negara-negara Membangun, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.
- Merton, R.K., Social Theory and Social Structure, The Free Press of Glencos, 1966.
- Montgomery, J.D. and Esman M.J., Development Administration in Malaysia: Report to the Government of Malaysia, Jabatan Cetakan Negara, Kuala Lumpur, 1966.

Mydral, Gunnar, Asia Drama, Pantheon, New York, 1968, Jilid xxx.

Ness, G.D., Beauracracy and Rural Development in Malaysia, University of California Press, 1967.

Panduan Arahkan No. 3, Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar Malaysia, Kuala Lumpur, November 1966.

Ramli W.A., Pengurusan, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1981.

Syed Husin Ali, Apa Erti Pembangunan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.

....., Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1977.

Third World Development or Crisis? Declaration and Conclusions of the Third World Conference, Penang 9 - 14 Nov. 1984, A Third World Network Publication.

United Nation, The United Nation Development Decade, Proposal for Action, Laporan oleh Secretary General, New York, 1972.

Bahan-bahan tidak bercetak

Asnarulkhadi Abu Samah, "Pola-pola Kepimpinan Komuniti Luar Bandar. Kajian Kes Di Mukim Merlimau, Melaka", Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1984/85.

Azman Awang, "Overview of Urban Planning System in Malaysia" dalam Bengkel Pelan dan Perancangan Tempatan pada 26-29 Mei, 1984.

Che Wan Takwa Che Abu, "Sikap Berpolitik Di Kalangan Masyarakat Luar Bandar, Satu Kajian Kes Di Kampung Pengkalan Arang, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Terengganu". Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1981/82.

Hashim Suboh, "Kampung Salang: Tinjauan Kepimpinan Luar Bandar".  
Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti  
Malaya, 1982/83.

Jamil Salleh, "Kepimpinan dan Organisasi Jawatankuasa Kemajuan dan  
Keselamatan Kampung, Mukim Tangga Batu, Melaka." Latihan Ilmiah,  
Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, 1982/83.

Rokiah Talib, "Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan  
(Satu kes kajian ke atas Rancangan Tanah Negeri Kelantan)"  
Thesis Ph. D., Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti  
Malaya, 1978.

Shamsul Amri Baharuddin, "Rancangan Malaysia Kedua, Tinjauan dan  
Perlaksanaan - Satu Penilaian Tentang Tujuan dan Perlaksanaan  
Sehingga Awal 1975." Thesis M.A., Jabatan Antropologi dan  
Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

Tengku Adli Tengku Abdullah, "Penglibatan Politik Di Peringkat Kampung  
Sungai Tedung dan Paloh Tendong, Pasir Mas, Kelantan". Latihan  
Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya,  
1980/81.

#### Journal, Majalah dan Akhbar

"Dewan Masyarakat", November, 1972.  
....., Mac, 1980.  
....., Ogos, 1982.

"Journal Ekonomi Malaysia, No. 3/4, Jun/Dis., Kementerian Dalam Negeri,  
0664/81.

Khoo Kok Peng, "Beberapa Prinsip Bagi Gaya Hidup Rancangan Pembangunan  
Alternatif". Kertas kerja CAP, Persatuan Pengguna, Pulau Pinang,  
1985.

Utusan Pengguna, April, 1984.